



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



ISI KANDUNGAN

Table of Content

SOROTAN | HIGHLIGHT

 M/S 3

PENUBUHAN JAWATANKUASA SDG INTERVENSI DASAR MULTI-AGENSI NEGERI SABAH

Strengthen SDG localization in Sabah

 M/S 4

MEMPERKUKUH PEMERKASAAN SDG DENGAN UM

*Accelerate SDG empowerment and
implementation across Malaysia*

 M/S 5

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK

*Collaboration with the State
Government and Sarawak EPU*

 M/S 6

MEMORI BERSAMA PUAN KARIMA EL KORRI

Appreciation to Miss Karima

 M/S 7

LAWATAN PEMETAAN ISU (MAC)

Issue Mapping Visit (March)

AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

 M/S 10

ZON UTARA

Northern Zone

 M/S 14

ZON TENGAH

Central Zone

 M/S 15

ZON PANTAI TIMUR

East Coast Zone

 M/S 18

ZON SELATAN

Southern Zone

 M/S 20

WILAYAH SARAWAK

Sarawak Region

 M/S 22

WILAYAH SABAH

Sabah Region

JABATAN DAN PUSAT APPGM-SDG | APPGM-SDG DEPARTMENTS AND CENTRES

- PUSAT MYSDG UNTUK RANGKUMAN SOSIAL | MYSDG CSI M/S 27
- AKADEMI MYSDG | MYSDG ACADEMY M/S 29
- JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTION DEPARTMENT M/S 34
- UNIT ADVOKASI DASAR | POLICY ADVOCACY UNIT M/S 35
- PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT M/S 37

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

- RAKAN SOLUSI | SOLUTION PROVIDER M/S 47
- KOLUM | COLUMN M/S 49
- PROGRAM AKAN DATANG | UPCOMING PROGRAMME M/S 51



3.3.2025

Pementeraan Surat Hasrat Kerjasama Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Multi-Agensi Peringkat Negeri Sabah

Signing of Letter of Intent for the Establishment of Sabah State-Level Multi-Agency SDG Policy Intervention Committee

APPGM-SDG Wilayah Sabah dan Sekretariat Sabah Maju Jaya (SSMJ), Jabatan Ketua Menteri Sabah, telah menandatangani surat hasrat kerjasama bagi menubuhkan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Multi-Agensi di peringkat negeri dan daerah. Sesi ini telah dihadiri oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Puan Nur Rahmah Othman, Fazlina, Fatimah, Datuk Rosmadi Datu Sulai JP, Tuan Ramlee Kariah, serta Dr. Jakariah, Dr. Salleh, dan Dr. Faerozh dari pasukan UMS. Kerjasama ini untuk bertujuan memperkukuh penyetempatan SDG di Sabah melalui penubuhan jawatankuasa daerah, pelaksanaan intervensi menoktahkan miskin tegar, pembentukan kumpulan penilai impak, serta penerbitan buletin dan laporan tahunan SDG Sabah.

APPGM-SDG Sabah and the Sabah Maju Jaya (SMJ) Secretariat, Chief Minister's Department of Sabah, have signed a Letter of Intent to collaborate on establishing a Multi-Agency State-Level & District Level SDG Policy Intervention Committee. The session was attended by Datuk Denison Jayasooria, Madam Nur Rahmah Othman, Fazlina, Fatimah, Datuk Rosmadi Datu Sulai JP, Tuan Ramlee Kariah, as well as Dr. Jakariah, Dr. Salleh, and Dr. Faerozh from the UMS team. This collaboration aims to strengthen SDG localization in Sabah through the formation of district-level committees, implementation of interventions to eradicate extreme poverty, development of an impact assessment group, and publication of the SDG Sabah bulletin and annual report.



**5.3.2025**

Memperkukuh Pemerkasaan SDG dengan Universiti Malaya

Strengthening SDG Empowerment with Universiti Malaya

APPGM-SDG mencatat satu lagi pencapaian penting melalui jalinan kerjasama strategik bersama Universiti Malaya, salah sebuah universiti terkemuka dunia, dalam mempercepatkan pemerkasaan dan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia.

Kerjasama ini melibatkan pelbagai inisiatif utama, antaranya analisis mendalam terhadap pemetaan isu dan kajian lapangan APPGM-SDG, penyelesaian isu tempatan melalui pasukan petugas SDG di peringkat daerah, serta sokongan teknikal dan penilaian impak bagi projek komuniti dan keselamatan makanan. Usaha bersama ini turut merangkumi transformasi pusat pembelajaran komuniti menjadi makmal hidup, pembangunan program pemberdayaan masyarakat terpinggir, serta usaha pembasmian kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kerjasama ini juga merangkumi advokasi dasar di Parlimen, penyelidikan dasar secara bersama, dan penerbitan ilmiah. APPGM-SDG dan Universiti Malaya komited untuk membawa perubahan yang mampan dan memberi impak bermakna kepada komuniti melalui pemerkasaan berasaskan SDG.

The APPGM-SDG has achieved another significant milestone by forming a strategic collaboration with the University of Malaya, one of the world's top universities, to accelerate SDG empowerment and implementation across Malaysia.

This partnership encompasses several key initiatives including in-depth analysis of APPGM-SDG's issue mapping and field research, localised problem-solving through district-level SDG Task Forces, and technical support with impact evaluation for community and food security projects. It also focuses on transforming community learning centres into living labs and developing empowerment programmes for marginalised communities, alongside poverty alleviation efforts in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak.

Furthermore, the collaboration includes policy advocacy in Parliament, joint policy research, and scholarly publications. Both APPGM-SDG and the University of Malaya are committed to driving sustainable change and delivering meaningful impact to communities through SDG-based empowerment.




10.3.2025

Kunjungan Hormat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Courtesy Visit to the Sarawak State Secretary

Pejabat Wilayah Sarawak bersama Prof Datuk Denison Jayasooria (Ketua Sekretariat), Paniirselvam Jayaraman (Pengarah Jabatan Solusi Dasar), dan Dr Teo Sue Ann (Pengarah Unit Advokasi Dasar) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Datuk Amar Abu Bakar bin Marzuki, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak bagi membincangkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan EPU Sarawak dalam pembentukan Jawatankuasa SDG peringkat negeri, dan daerah melalui inisiatif intervensi dasar peringkat daerah. Dato Sri Rohani, penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL), turut hadir memberi sokongan. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ivy Lim (Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Makroekonomi).

The Sarawak Regional Office, together with Prof Datuk Denison Jayasooria (Head of Secretariat), Paniirselvam Jayaraman (Director, Policy Solutions Dept), and Dr Teo Sue Ann (Director, Policy Advocacy Unit), paid a courtesy visit to Datuk Amar Abu Bakar bin Marzuki, Sarawak State Secretary, to discuss collaboration with the State Government and Sarawak EPU on the formation of state, and district-level SDG Committees through the policy solutions initiative. Dato Sri Rohani, advisor to the Society for the Promotion of Sustainable Development Goals (PPMPL), was also present to lend her support. The meeting was attended by Ivy Lim (Deputy Director, Macroeconomic Planning Division).



**28.3.2025****Memori Bersama Puan Karima El Korri***Memories with Miss Karima El Korri*

APPGM-SDG mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Karima El Korri, United Nations Resident Coordinator untuk UN Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam, atas peranan pentingnya dalam memperkuat kerjasama antara APPGM-SDG dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sepanjang tempoh perkhidmatannya. Beliau memainkan peranan besar dalam memberikan pengiktirafan dan sokongan kepada usaha SDG di Malaysia, menjadikan APPGM-SDG lebih dikenali di peringkat antarabangsa. Sumbangannya yang signifikan telah membantu merapatkan jalinan strategik dengan PBB, memperkasakan agenda pembangunan mampan di negara ini. Sebagai penghormatan atas dedikasinya, kami mengucapkan selamat maju jaya kepada Miss Karima dalam peranannya yang baharu di Ibu Pejabat PBB, New York. Terima kasih atas segala usaha dan komitmen!

APPGM-SDG extends its deepest appreciation to Miss Karima El Korri, United Nations Resident Coordinator for UN Malaysia, Singapore, and Brunei Darussalam, for her instrumental role in strengthening partnerships between APPGM-SDG and the United Nations (UN) during her tenure. She played a key role in enhancing the visibility of APPGM-SDG and was a strong advocate for SDG efforts in Malaysia. Her invaluable contributions have fostered stronger strategic ties with the UN, reinforcing sustainable development initiatives across the nation. As she embarks on her new journey at the UN Headquarters in New York, we wish her great success and thank her for her unwavering commitment to sustainability and development.





Lawatan Pemetaan Isu (Mac)



Issue Mapping Visit (March)

Pada bulan Mac, APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak di beberapa kawasan parlimen, termasuk Putatan, Pulau, dan Tuaran. Pemetaan isu ini merupakan langkah awal dalam proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh APPGM-SDG. Gerak kerja ini dimulakan dengan penglibatan aktif Ahli Parlimen di kawasan-kawasan terlibat. Laporan lawatan tapak boleh dimuat turun melalui kod QR yang disediakan.

In March, APPGM-SDG conducted site visits across several parliamentary constituencies, including Putatan, Pulau, and Tuaran. This issue mapping exercise marks the initial step in the localization of the Sustainable Development Goals (SDGs) by APPGM-SDG. The initiative was carried out with the active participation of Members of Parliament from the respective constituencies. The site visit report can be downloaded via the provided QR code.



5

Putatan



6

Pulau



7

Tuaran





1 Mac 2025 | **Parlimen Penampang**
1 Mac 2025 | **Parliament Penampang**



2-4 Mac 2025 | **Parlimen Putatan**
4 Mac 2025 | **Parliament Putatan**



5 Mac 2025 | **Parlimen Hulu Selangor**
5 Mac 2025 | **Parliament Hulu Selangor**



8-10 Mac 2025 | **Parlimen Pulau**
9-10 Mac 2025 | **Parliament Pulau**



11 Mac 2025 | **Parlimen Jelebu**
11 Mac 2025 | **Parliament Jelebu**



12-13 Mac 2025 | **Parlimen Labuan**
12-13 Mac 2025 | **Parliament Labuan**



15-16 Mac 2025 | **Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, dan Nanga Sumpa**
15-16 Mac 2025 | **Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, dan Nanga Sumpa**



16 Mac 2025 | **Parlimen Besut**
16 Mac 2025 | **Parliament Besut**



15-18 Mac 2025 | **Parlimen Tuaran**
15-18 Mac 2025 | **Parliament Tuaran**



AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti, dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentas sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localization efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zonal and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues, and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. **This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarters, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.

ZON UTARA | NORTHERN ZONE

5.3.2025

Parlimen Teluk Intan: Mesyuarat Awalan

Parliament Teluk Intan: Inception Meeting

8



Mesyuarat awalan telah dijalankan di Pejabat APPGM-SDG, Petaling Jaya bagi membincangkan kerjasama dalam gerak kerja APPGM-SDG bagi Parlimen Teluk Intan. Turut hadir ialah Encik Koh (Setiausaha Politik YB Woo - DUN Pasir Bedamar), Syaza (Ketua Penyelidik, APPGM-SDG), dan Dr. Ken (Pengarah Jabatan Penyelarasan Parlimen, APPGM-SDG). Encik Koh bersetuju untuk bekerjasama dalam kajian ini, dengan mengadakan lawatan tapak bagi Parlimen Teluk Intan dicadangkan pada minggu ke-4 April serta sesi pemprofilan akan datang untuk perbincangan lanjut.

A inception meeting at the APPGM-SDG office in Petaling Jaya discussed collaboration on APPGM-SDG initiatives for the Teluk Intan parliamentary constituency. Attendees included Mr. Koh (Political Secretary to YB Woo - DUN Pasir Bedamar), Syaza (Chief Researcher, APPGM-SDG), and Dr. Ken (Director of Parliamentary Coordination, APPGM-SDG). Mr. Koh agreed to collaborate on the study, with a site visit to Teluk Intan proposed for the fourth week of April, followed by upcoming profiling sessions for further discussions.

6.3.2025

Parlimen Lumut: Mesyuarat Antara Agensi Pemetaan SDG

Parliament Lumut: Inter-Agency SDG Mapping

9



Mesyuarat Antara Agensi Pemetaan SDG bagi Parlimen Lumut telah dipengerusikan oleh Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris, menghimpunkan 20 pegawai agensi untuk memberi input terhadap hasil kajian di kawasan tersebut. Agensi yang terlibat termasuk Pejabat Daerah, PDRM, Majlis Perbandaran Manjung, JKM, JKR, AADK, LKIM, Jabatan Alam Sekitar, dan Penghulu Mukim. Pegawai Daerah turut membincangkan cabaran pelaksanaan SDG dan bersetuju untuk mengadakan program Pembangunan Kapasiti pada akhir April atau awal Mei. Manakala, wakil daripada pihak APPGM-SDG, termasuk Dr Thanaraj Murudi bersama Faizzul Amri, Zukri, Husna, dan Aizzudin, turut hadir bagi memastikan kelancaran mesyuarat.

The Inter-Agency SDG Mapping Meeting for Parliament Lumut, chaired by Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris, brought together 20 agency officers to provide input on the findings of the study in the area. Participating agencies included the District Office, PDRM, Manjung Municipal Council, JKM, JKR, AADK, LKIM, the Department of Environment, and Mukim Chiefs. The District Officer also discussed the challenges of SDG implementation and agreed to organize a Capacity Development Program in late April or early May. Representatives from APPGM-SDG, including Dr Thanaraj Murudi with Faizzul Amri, Zukri, Husna, and Aizzudin, were also present to ensure the smooth conduct of the meeting.

12.3.2025**Perjumpaan dengan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah***Meeting with Kedah Economic Planning Division***10**

Penyelaras Tempatan APPGM-SDG, Puan Maznah dan Puan Shariza, telah mengadakan perjumpaan dengan Tuan Mohd Shazwan Hafiz, Penolong Pengarah BPEN Kedah, di Pejabat SUK Kedah. Mesyuarat ini adalah bertujuan menerangkan inisiatif APPGM-SDG di Negeri Kedah serta memohon kebenaran bagi pelaksanaan inisiatif intervensi dasar multi-agensi di peringkat daerah.

APPGM-SDG Local Coordinators, Maznah and Shariza, held a meeting with Mr. Mohd Shazwan Hafiz, Assistant Director of BPEN Kedah, at the SUK Kedah Office. The meeting aimed to present APPGM-SDG initiatives in Kedah and seek approval for the implementation of a multi-agency policy intervention at the district level.

13.3.2025**Parlimen Balik Pulau: Mesyuarat Antara Agensi***Parliament Balik Pulau: Inter-Agency SDG Mapping***11**

Mesyuarat Antara Agensi bagi Parlimen Balik Pulau telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Tanah Barat Daya, YBhg Dato' Rosli bin Halim, dengan kehadiran Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Bakhtiar bin Wan Chik. Sebanyak 39 wakil dari pelbagai agensi telah menghadiri sesi ini untuk berkongsi dapatan kajian serta memberikan input bagi memperkasa pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan ini. Antara agensi yang terlibat adalah termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, ICU JPM, MBPP, JKR, JPS, Pejabat Kesihatan, serta agensi pembangunan, perikanan, dan perumahan negeri. Dalam sesi ini, Pegawai Daerah mencadangkan agar program Pembangunan Kapasiti (CB) untuk dilaksanakan pada bulan Mei, sebagai langkah proaktif dalam memperkukuh keberkesanan pelaksanaan SDG di Parlimen Balik Pulau.

The Inter-Agency Meeting for Parliament Balik Pulau was chaired by Southwest District and Land Officer, YBhg Dato' Rosli bin Halim, with the presence of Balik Pulau MP, YB Dato' Bakhtiar bin Wan Chik. A total of 39 representatives from various agencies attended the session to present research findings and provide input to enhance the implementation of Sustainable Development Goals (SDGs) in the constituency. Participating agencies included the District and Land Office, ICU JPM, MBPP, JKR, JPS, Health Office, and several development, fisheries, and housing agencies. During the discussion, the District Officer proposed conducting a Capacity Building (CB) program in May, as a proactive measure to strengthen SDG implementation efforts in Balik Pulau.

13.3.2025

Parlimen Balik Pulau: Pengutamaan Isu*Parliament Balik Pulau: Prioritizing Issues*

12



Sesi pengutamaan isu bagi Parlimen Balik Pulau telah diadakan di Amari Spice, Penang bersama Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik. Wakil APPGM-SDG, Aisyah dan Darshini, turut serta dalam perbincangan yang menumpukan kepada isu utama serta cadangan penyelesaian. Tiga isu utama telah dikenal pasti iaitu memperkasa ekonomi dan kebajikan ibu tunggal serta wanita, meningkatkan akses dan sokongan inklusif untuk OKU, serta menambah baik kesejahteraan dan perkhidmatan sosial warga emas. YB Dato' akan memperkemas senarai projek berkaitan bagi memastikan manfaat disalurkan kepada golongan sasaran. Beliau juga menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif APPGM-SDG dalam memperkasakan komuniti.

A priority issues discussion for Balik Pulau was held at Amari Spice, Penang, with Balik Pulau MP, YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik. APPGM-SDG representatives, Aisyah and Darshini, participated in the session, focusing on key concerns and potential solutions. Three main issues were identified which is empowering single mothers and women economically, enhancing accessibility and inclusive support for PWDs, and improving well-being and social services for senior citizens. YB Dato' will refine the list of related projects to ensure targeted benefits. He also expressed full support for APPGM-SDG initiatives in strengthening the community.

15.3.2025

Kejohanan Merentas Desa Sekolah Tamil Peringkat Negeri Perak*Perak State-Level Tamil School Cross Country Championship*

13



Rose Helen telah menghadiri Kejohanan Merentas Desa Sekolah Tamil Peringkat Negeri Perak sebagai jemputan khas. Kejohanan ini dianjurkan oleh Kelab Olahraga Garuda Ipoh dengan sokongan dan tajaan daripada YB Sivakumar, Ahli Parlimen Batu Gajah. En. Krishnan, Pengerusi Kelab Olahraga Garuda Ipoh, mengucapkan penghargaan kepada APPGM-SDG atas sumbangan dan tajaan bagi Program Pembangunan Olahraga Kelab untuk tahun 2023 dan 2024. APPGM-SDG turut menerima cenderamata sebagai tanda penghargaan atas sokongan yang diberikan. Sebanyak 150 Sekolah Tamil dari seluruh negeri Perak mengambil bahagian dalam kejohanan ini, dan para pemenang akan mewakili negeri Perak di peringkat kebangsaan.

Rose Helen attended the Perak State-Level Tamil School Cross Country Championship as a special guest. The championship was organized by Kelab Olahraga Garuda Ipoh, with support and sponsorship from YB Sivakumar, Member of Parliament for Batu Gajah. En. Krishnan, Chairman of Kelab Olahraga Garuda Ipoh, expressed his appreciation to APPGM-SDG for its contribution and sponsorship of the Club's Sports Development Program for 2023 and 2024. APPGM-SDG also received a token of appreciation for its support. A total of 150 Tamil schools from across Perak participated in the championship, and the winners will represent the state at the national level.

17.3.2025

Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU)

Courtesy Visit to Seberang Perai Utara (SPU) District and Land Office

14



Jabatan Solusi Dasar dan Ketua Zon Utara APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat bersama Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU), YBrs. Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri. Turut hadir Ketua Penolong Pegawai Daerah, Tuan Yassir Lutfi Bin Ahmad Lutfi, serta Penyelaras Tempatan Kepala Batas, Puan Shariza. Dalam sesi ini, Pegawai Daerah menyatakan kesediaan untuk memberi kerjasama dalam pelaksanaan inisiatif intervensi dasar di Daerah Seberang Perai Utara. Mesyuarat pertama Jawatankuasa SDG telah ditetapkan pada 14 April 2025.

The Policy Solution Dept and APPGM-SDG Northern Zone Head conducted a courtesy visit to the Seberang Perai Utara (SPU) District and Land Office, meeting with District Officer YBrs. Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri. Senior Assistant District Officer Tuan Yassir Lutfi Bin Ahmad Lutfi and Kepala Batas Local Coordinator (LC) Puan Shariza were also present. During the discussion, the District Officer expressed his willingness to collaborate on SDG initiatives in Kepala Batas. The first SDG Committee meeting has been scheduled for 14 April 2025.

27.3.2025

Kunjungan Hormat & Perbincangan Bersama YB Dr Haim Hilman

Courtesy Visit & Discussion with YB Dr Haim Hilman

15



APPGM-SDG melalui Jabatan Solusi Dasar telah mengadakan sesi kunjung hormat dan perbincangan bersama YB Dr. Haim Hilman Bin Abdullah, AMK serta Mohd Shazwan Hafiz bin Mohd Shukri di Wisma Darul Aman Kedah. Dalam sesi ini, APPGM-SDG membentangkan gerak kerja serta inisiatif intervensi dasar di peringkat daerah yang melibatkan tiga Parlimen di Kedah, iaitu Kubang Pasu, Langkawi, dan Sungai Petani. Melalui perbincangan ini, satu persetujuan dicapai untuk menubuhkan Jawatankuasa SDG di peringkat negeri dan daerah. YB Dr Haim Hilman akan mengetuai jawatankuasa ini di peringkat negeri, manakala jawatankuasa di peringkat daerah akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

APPGM-SDG's Policy Solutions Dept held a courtesy visit and discussion with YB Dr. Haim Hilman Bin Abdullah, AMK, and Mohd Shazwan Hafiz bin Mohd Shukri at Wisma Darul Aman Kedah. During this session, APPGM-SDG presented its initiatives and policy intervention at the district level, covering three parliamentary constituencies in Kedah: Kubang Pasu, Langkawi, and Sungai Petani. As a result of the discussion, an agreement was reached to establish an SDG Committee at both the state and district levels. YB Dr Haim Hilman will chair the committee at the state level, while district committees will be led by the respective District Officers.

ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

9.3.2025

Kajian Rintis Kemiskinan Multidimensi di Selayang

Multi-Dimensional Poverty Pilot Study in Selayang

16



Satu kajian rintis bagi Kajian Kemiskinan Multidimensi telah diadakan oleh Jabatan Solusi Dasar di PSPK Selayang. Parlimen Selayang merupakan lokasi kedua selepas Parlimen Taiping yang dipilih untuk kajian ini. Kajian ini melibatkan 15 responden dan disertai oleh Dr. Ken (Ketua Zon Tengah), Debbie, Athirah, Darshini, dan Fatihah. Turut menyertai sebagai enumerator ialah Hyecal (Penyelaras Tempatan Bentong) dan Santhradevi (Penyelaras Tempatan Lembah Pantai).

A pilot study for the Multi-Dimensional Poverty Study was conducted by Policy Solutions Dept at PSPK Selayang. Parliament Selayang is the second constituency identified for this study, following Parliament Taiping. The study involved 15 respondents and was attended by Dr. Ken (Central Zone Lead), Debbie, Athirah, Darshini, and Fatihah. Enumerators included Hyecal (Local Coordinator, Bentong) and Santhradevi (Local Coordinator, Lembah Pantai).

13.3.2025

Parlimen Seputeh: Mesyuarat Pengutamaan Isu bersama YB Teresa Kok

Parliament Seputeh - Prioritizing Issues

17



Sesi perbincangan di Pejabat Ahli Parlimen Seputeh bersama YB Teresa Kok, Alice, dan Diana membincangkan isu utama di kawasan Seputeh. YB Teresa Kok telah mencadangkan tiga projek utama: Program Anti Dadah dengan kerjasama Majlis Belia dan AADK, pembangunan persisiran Sungai Klang untuk ekonomi dan rekreasi, serta literasi digital bagi memperkasa komuniti menjana pendapatan. APPGM-SDG diwakili oleh Nurul Syaza (Ketua Penyelidik) dan Yoogeswaran (Pegawai Projek), yang turut berkongsi pandangan dan cadangan bagi merealisasikan inisiatif ini.

A discussion at the Seputeh MP's Office with YB Teresa Kok, Alice, and Diana focused on key issues in the constituency. YB Teresa Kok proposed three main projects: an Anti-Drug Program with the Youth Council and AADK, Klang Riverfront development for economic and recreational potential, and digital literacy to empower income generation. APPGM-SDG was represented by Nurul Syaza (Head Researcher) and Yoogeswaran (Project Officer), who shared insights and recommendations to support these initiatives.

15.3.2025

Majlis Penyampaian Sijil – CLC Project Y24-SP158: Latihan Asas Penjagaan Autisme

Certificate Giving Ceremony – CLC Project Y24-SP158: Autism Caregiving Basic Training

18



Mary menghadiri Majlis Penyampaian Sijil bagi program Latihan Asas Penjagaan Autisme di Puchong. Inisiatif ini bertujuan melengkapkan penjaga dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam penjagaan autisme, dikendalikan oleh Ms. Thila Laxshman, pengasas PERSAMA-2gether4Autism.

Mary attended the Certificate Presentation Ceremony for the Autism Care Basic Training Program in Puchong. This initiative aims to equip caregivers with essential knowledge and skills in autism care, led by Ms. Thila Laxshman, founder of PERSAMA-2gether4Autism.

ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

3.3.2025

Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Maran

Courtesy Visit to the Maran District and Land Office

19



APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran bagi membincangkan potensi kerjasama dalam sesi dialog antara agensi, pembangunan kapasiti, serta inisiatif lain yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Perbincangan ini turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Shahree Anwar Mahmud, dan Penghulu Luit 1, Khairul Amin Osman. Isu kumpulan sasaran serta cabaran setempat menjadi fokus utama sesi ini.

APPGM-SDG conducted a courtesy visit to the Maran District and Land Office (PDT) to explore potential collaborations on inter-agency dialogue sessions, capacity-building programs, and other initiatives benefiting the local community. The discussion was attended by Shahree Anwar Mahmud, Assistant District Officer (Development), and Khairul Amin Osman, Penghulu Luit 1. Key issues included target groups and local challenges requiring attention.

9.3.2025

Parlimen Pasir Puteh - Perbincangan Persediaan Sesi Libat Urus Agensi

Parlimen Pasir Puteh - Preparatory Discussion for Agency Engagement Session

20



Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan), Abdul Muhaimin Mohd Redzwan, dan Pegawai Pembangunan Sosioekonomi, Ahmad Fahim Mohd Nor dari Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh telah berkunjung ke Pusat Komuniti MySDG Pantai Timur bagi membincangkan persiapan Sesi Libat Urus Agensi di Pasir Puteh. Perbincangan ini telah mengenal pasti agensi yang akan terlibat serta menetapkan tarikh baharu bagi sesi tersebut, iaitu pada 13 April 2025.

Abdul Muhaimin Mohd Redzwan (Assistant District Officer - Development) and Ahmad Fahim Mohd Nor (Socioeconomic Development Officer) from the Pasir Puteh District and Land Office visited the MySDG Community Centre - East Coast to discuss preparations for the Agency Engagement Session in Pasir Puteh. The discussion identified participating agencies and finalized a new date for the session, which is set for 13 April 2025.

9.3.2025

Kunjungan Hormat Pengarah ILP Kota Bharu ke Pusat Komuniti MySDG

Courtesy Visit from ILP Kota Bharu Director to MySDG Community Centre

21



Pusat Komuniti MySDG Pantai Timur telah menerima kunjungan hormat daripada Ts. Ahmad Iskandar Bin Sulaiman (Pengarah ILP Kota Bharu) bersama Ts. Muhammad Anas (Penolong Pengarah Bhg Khidmat Sokongan Pekerjaan Komuniti - CESS), Ts. Suraya Mohamed (Ketua Jabatan Elektrikal), Ts. Wan Nurayuni Wan Mustafa (Ketua Jabatan Sivil) serta tenaga pengajar ILP Kota Bharu. Sesi ini bertujuan membina kerjasama antara ILP Kota Bharu dan APPGM-SDG dalam usaha mempromosikan serta melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Pantai Timur, khususnya dalam bidang latihan dan pembangunan kemahiran (TVET). Sesi ini dikendalikan oleh Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin (Ketua Zon Pantai Timur APPGM-SDG).

The MySDG Community Centre - East Coast received a courtesy visit from Ts. Ahmad Iskandar Bin Sulaiman (Director, ILP Kota Bharu), accompanied by Ts. Muhammad Anas (Deputy Director, Community Employment Support Services - CESS), Ts. Suraya Mohamed (Head of Electrical Department), Ts. Wan Nurayuni Wan Mustafa (Head of Civil Department), and ILP Kota Bharu's teaching team. This session aimed to strengthen collaboration between ILP Kota Bharu and APPGM-SDG in promoting and implementing the Sustainable Development Goals (SDG) in the East Coast region, particularly in skills development and TVET training. Facilitated by Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin (East Coast Regional Head, APPGM-SDG).

13.3.2025

Parlimen Kota Bharu: Pengutamaan Isu Parlimen Kota Bharu

Parliament Kota Bahru: Pengutamaan Isu

22



YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan telah menghadiri sesi pengutamaan isu di Pusat Komuniti MySDG Kota Bharu, bersama ADUN Bunut Payong serta pegawai-pegawai lain. Perbincangan menekankan pembangunan belia dalam aspek sosial dan ekonomi, selain membuka peluang penjaan pendapatan bagi wanita miskin bandar. Sesi ini menegaskan kepentingan inisiatif berterusan dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat.

YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan attended an issue prioritisation session at Pusat Komuniti MYSDG Kota Bharu, alongside ADUN Bunut Payong and other officials. The discussion focused on youth development in social and economic aspects, as well as creating income-generation opportunities for urban poor women. This session reaffirmed the importance of continuous initiatives to enhance community well-being.

16.3.2025

Parlimen Besut: Mesyuarat Antara Agensi*Parliament Besut: Inter-Agency Meeting*

23



Mesyuarat Antara Agensi Parlimen Besut telah dipengerusikan oleh Penolong Kanan Pegawai Daerah (Pembangunan Fizikal) Daerah Besut, Encik Luqman Hafiz bin Mazalan. Seramai 27 wakil daripada pelbagai agensi telah hadir untuk memberikan input, termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Besut, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, PERHILITAN, KPDN, FAMA, Pejabat Belia dan Sukan, serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

The Inter-Agency Meeting for Besut Parliament was chaired by the Senior Assistant District Officer (Physical Development) for Besut, Encik Luqman Hafiz bin Mazalan. A total of 27 representatives from various agencies participated, including the Besut District and Land Office, District Police Headquarters (IPD), Public Works Department (JKR), Department of Irrigation and Drainage (JPS), District Health Office (PKD), District Education Office (PPD), District Agriculture Office, District Veterinary Services Office, National Anti-Drug Agency (AADK), National Registration Department, PERHILITAN, KPDN, FAMA, Youth and Sports Office, and the Social Welfare Department (JKM).

17.3.2025

Parlimen Pasir Puteh: Sesi Pengutamaan Isu*Parliament Pasir Puteh: Issue Prioritization Session*

24




Pihak APPGM-SDG telah mengadakan sesi pengutamaan isu bersama YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Ahli Parlimen Pasir Puteh. Perbincangan ini bertujuan mengenal pasti cabaran utama dalam komuniti dan mencari penyelesaian mampan. Hasil sesi ini, sebanyak empat projek solusi akan dilaksanakan dengan fokus kepada isu sosial belia serta cabaran ekonomi melibatkan wanita, penganggur, dan penternak ikan sangkar.

APPGM-SDG conducted an issue prioritization session with YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Member of Parliament for Pasir Puteh. The discussion aimed to identify key community challenges and develop sustainable solutions. As a result, four solution-driven projects will be implemented, focusing on social issues among youth, as well as economic challenges faced by women, the unemployed, and caged fish farmers.

26.3.2025

Sesi Perkongsian Ketua Zon & Penyelaras Tempatan Pantai Timur*East Coast Regional Head & Local Coordinators Sharing Session*

25



Satu sesi perkongsian telah diadakan antara Ketua Zon dan Penyelaras Tempatan (LC) Pantai Timur bagi membincangkan status gerak kerja semasa serta cabaran yang dihadapi. Selain itu, sesi ini turut merangka perancangan bagi pelaksanaan gerak kerja seterusnya. Sesi ini telah dikendalikan oleh Dr. Siti selaku Ketua Zon Pantai Timur dan dihadiri oleh kesemua sembilan LC Pantai Timur.

A sharing session was held between the Regional Head and East Coast Local Coordinators (LC) to discuss the current work status and challenges faced. The session also focused on planning the next phase of fieldwork. This session was led by Dr. Siti as the East Coast Regional Head and attended by all nine East Coast LCs.

ZON SELATAN | SOUTHERN ZONE

4.3.2025

Perjumpaan Bersama Pegawai Daerah Mersing *Meeting with District Officer Mersing*

26



Jabatan Solusi Dasar mengadakan perjumpaan di Pejabat Daerah Mersing bersama Tuan Haji Jamil Bin Abdullah (Pegawai Daerah Mersing) membincangkan penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar peringkat daerah mellaui inisiatif intervensi dasar, sebuah usahasama APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah. Tuan DO bersetuju dengan inisiatif ini, dan mesyuarat pertama dijadualkan pada 23 April 2025. Turut hadir KADO dan ADO yang menyokong penuh usaha ini. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Wan Suzita, Ketua Zon Selatan dan Penyelaras Tempatan Elly Suharlie dan Amirul Izzat.

Policy Solutions Dept held a meeting at the Mersing District Office with Tuan Haji Jamil Bin Abdullah (District Officer of Mersing) to discuss the establishment of the District-Level SDG Policy Intervention Committee, under the policy solutions, a joint initiative between APPGM-SDG & Yayasan Hasanah. The District Officer agreed to the initiative, with the first meeting scheduled for 23 April 2025. Also in attendance were KADO and ADO, who fully supported the effort. APPGM-SDG was represented by Southern Zone Head Dr. Wan Suzita and Local Coordinators Elly Suharlie, and Amirul Izzat.

5.3.2025

Kunjungan Hormat ke Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi Penubuhan Jawatankuasa SDG Peringkat Daerah

Courtesy Visit to the Chief Minister's Department of Melaka for the Establishment of a District-Level SDG Committee

27



Kunjungan hormat Jabatan Ketua Menteri Negeri Melaka telah mencapai persetujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Peringkat Daerah, yang akan digabungkan di bawah JKPTD dengan keahlian tambahan oleh Pegawai Daerah. Mesyuarat pertama dijadualkan pada akhir April 2025. Perbincangan dipengerusikan oleh Pn. Maznah binti Mahat dan dihadiri oleh Pn. Mazilah, wakil KADO Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka Tengah, Jasin, serta delegasi APPGM-SDG daripada Jabatan Solusi Dasar termasuk Dr. Wan Suzita, Athirah, Amirul, Aina, Khairul, dan Amirah.

A courtesy visit to the Chief Minister's Department of Melaka has resulted in an agreement to establish the District-Level SDG Policy Intervention Committee. This committee will be integrated under JKPTD with additional membership from the District Officer. The first meeting is scheduled for the end of April 2025. The discussion was chaired by Pn. Maznah binti Mahat and attended by Pn. Mazilah, a representative from KADO of the Alor Gajah, Melaka Tengah, and Jasin District Offices, along with the APPGM-SDG delegation from Policy Solutions Initiative including Dr. Wan Suzita, Athirah, Amirul, Aina, Khairul, and Amirah.

6.3.2025**Parlimen Sri Gading: Mesyuarat Pengutamaan Isu Bersama Ahli Parlimen***Parliament Sri Gading: The Issue Prioritization Meeting was held with the participation of the MP***28**

YB Aminolhuda Hassan, Ahli Parlimen Sri Gading, menyertai Mesyuarat Pengutamaan Isu bersama Pejabat Parlimen Sri Gading dan Secretariat APPGM-SDG untuk membentangkan dapatan awal pemetaan isu di kawasan tersebut. Beliau menekankan kepentingan menangani isu utama komuniti, dengan projek solusi yang dirancang untuk ibu tunggal melalui aktiviti perusahaan sosial, penternak ikan dengan perusahaan ikan kolam, serta pengusaha tempatan dan warisan melalui latihan dan pengeluaran pisang salai.

YB Aminolhuda Hassan, Member of Parliament for Sri Gading, participated in the Issue Prioritization Meeting with the Sri Gading Parliamentary Office and the APPGM-SDG Secretariat to present the initial findings of issue mapping in the area. He emphasized the importance of addressing key community issues, with planned solution projects including social enterprise activities for single mothers, fish farming initiatives for local breeders, and training and production of smoked bananas for local entrepreneurs and heritage preservation.

11.3.2025**Kajian Rintis Kemiskinan Multi-Dimensi***Multi-Dimensional Poverty Pilot Study***29**

APPGM-SDG melalui Jabatan Solusi Dasar telah menjalankan kajian rintis kemiskinan multi-dimensi di Perpustakaan Desa Pasoh, Felda Pasoh, Jelebu. Kajian ini melibatkan Debbie, Jannah, Seri (LC Tempatan Jebebu), dan Amirul (LC Tempatan Kuala Pilah) serta dibantu oleh Puan Azlini (Rakan Solusi APPGM-SDG), Puan Zanariah, dan Puan Fatimah dari Kementerian Perpaduan Negara. Seramai 11 responden dari komuniti Felda dan Orang Asli telah terlibat dalam kajian ini.

APPGM-SDG through Policy Solutions Dept conducted a pilot study on multi-dimensional poverty at Perpustakaan Desa Pasoh, Felda Pasoh, Jelebu. The study involved Debbie, Jannah, Seri (Local coordinator Jebebu), and Amirul (Local coordinator Kuala Pilah), with support from Puan Azlini (APPGM-SDG Solution Provider), Puan Zanariah, and Puan Fatimah from the Ministry of National Unity. A total of 11 respondents from the Felda and Orang Asli communities participated.

25.3.2025**Parlimen Segamat: Perbincangan Lawatan Tapak***Segamat Parliamentary: Discussion on Site Visit***30**

Satu sesi perbincangan telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Segamat mengenai gerak kerja lapangan yang akan dilaksanakan pada 11-13 April 2025 bagi Parlimen Segamat. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, Encik Mohd Nazef. Turut hadir adalah enam penghulu dari dua DUN, termasuk Penghulu Kanan, serta dua wakil Parlimen Segamat, termasuk Puan Syafeena. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Wan Suzita, Ketua Zon Selatan.

A discussion session were held at the Segamat District and Land Office regarding the site visit scheduled for 11-13 April 2025 in the Segamat parliamentary constituency, Johor. The meeting was chaired by ADO Mr. Mohd Nazef. Also in attendance were six penghulu from two state constituencies, including the Senior Penghulu, along with two representatives from Segamat Parliament, including Madam Syafeena. APPGM-SDG was represented by Dr. Wan Suzita, the Southern Zone Head.

WILAYAH SARAWAK/ SARAWAK REGION

3.3.2025

Pemantauan Bulanan CDBP Bersama Rakan Solusi Sarawak

CBDP Monthly Monitoring with Sarawak SPs

31



Sesi pemantauan bulanan CDBP bersama Rakan Solusi Sarawak telah diadakan dan telah diketuai oleh Corrin dan Fahmi. Seramai 12 Rakan Solusi menghadiri sesi ini bagi membentangkan kemas kini projek masing-masing.

The CDBP monthly monitoring session with Sarawak Solution Providers was held and led by Corrin and Fahmi. A total of 12 Solution Providers attended to present updates on their projects.

8-9.3.2025

Program Pembangunan Kapasiti untuk Penyelaras Tempatan Unit Solusi Dasar

Capacity Building Program for Policy Solutions Local Coordinators

32



APPGM-SDG Sarawak bersama Jabatan Solusi Dasar telah menganjurkan program pembangunan kapasiti bagi Penyelaras Tempatan pada 8-9 Mac 2025. Seramai 8 Penyelaras Tempatan telah menyertai program ini yang dikendalikan oleh Melissa Riman, Dr. Eva, dan Paniir. Sepanjang sesi, banyak pembelajaran bermakna telah diperoleh, dan para peserta menunjukkan semangat tinggi dalam melaksanakan inisiatif ini. Inisiatif Intervensi Dasar ini merupakan inisiatif berimpak tinggi hasil kerjasama antara APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah dalam membawa penyelesaian dasar ke peringkat akar umbi.

APPGM-SDG Sarawak Office together with Policy Solutions Dept organized a capacity-building program for Local Coordinators on 8-9 March 2025. A total of 8 Local Coordinators attended the program, which was facilitated by Melissa Riman, Dr. Eva, and Paniir. Throughout the sessions, valuable learning took place, and the participants demonstrated great enthusiasm in driving the initiative forward. The Policy Solutions Initiative is a high-impact initiative jointly undertaken by APPGM-SDG and Yayasan Hasanah to bring policy solutions to the grassroots level.

15-16.3.2025**Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, and Nanga Sumpa: Lawatan Tapak & Pemetaan Isu***Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, and Nanga Sumpa: Issue Mapping & Site Visit***33**

APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak dan pemetaan isu di kawasan Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, dan Nanga Sumpa. Inisiatif ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu utama dalam komuniti serta merangka langkah intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan.

APPGM-SDG conducted an issue mapping and site visit in Nanga Talong, Nanga Ukom, Nanga Jambu, and Nanga Sumpa. This initiative aims to identify key community challenges and formulate targeted intervention strategies to improve the well-being of local residents.

19.3.2025**Taklimat Kajian Rintis, Kajian Kemiskinan Multidimensi Wilayah Sabah & Sarawak.***Multidimensional poverty Study, briefing on pilot study to Sabah & Sarawak region***34**

Debbie dan Jannah telah mengadakan taklimat pra-ujian rintis bersama pasukan Sabah dan Sarawak, yang turut dihadiri oleh beberapa Penyelaras Tempatan (LC). Sesi ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan kajian kemiskinan multidimensi yang akan dijalankan di lapangan.

Debbie and Jannah conducted a pre-pilot test briefing with the Sabah and Sarawak team, including involvement of several Local Coordinators (LCs). The session focused on aligning the implementation of the upcoming multidimensional poverty study in the field.

WILAYAH SABAH | SABAH REGION

1.3.2025

Perasmian Madsiang Community Learning Centre & Penutupan Projek Kebun Komuniti

Inauguration of Madsiang Community Learning Centre & Community Garden Project Closing

35



YB Datuk Ewon Benedick, Ahli Parlimen Penampang, telah merasmikan Madsiang Community Learning Centre serta menghadiri penutupan Projek Kebun Komuniti: Penanaman dan Inovasi Roselle di Kampung Madsiang, Penampang. YB Datuk Ewon Benedick menzahirkan penghargaan terhadap usaha komuniti yang diketuai oleh Juddy Lasius dalam membangunkan ekonomi berasaskan kelestarian dan inovasi. Beliau menggalakkan kerjasama strategik dengan koperasi untuk memperluaskan pasaran produk komuniti. Selain itu, beliau turut mengumumkan peruntukan khas bagi menyokong pembangunan pusat ini dan menggesa SME Corp Sabah untuk membantu dalam bidang keusahawanan.

YB Datuk Ewon Benedick, Member of Parliament for Penampang, officiated the Madsiang Community Learning Centre and attended the closing ceremony of the Community Garden Project: Roselle Cultivation and Innovation in Kampung Madsiang, Penampang. YB Datuk Ewon Benedick expressed appreciation for the community's efforts, led by Juddy Lasius, in fostering a sustainable and innovation-driven economy. He encouraged strategic partnerships with cooperatives to expand market opportunities for local products. Additionally, he announced a special allocation to support the centre's development and urged SME Corp Sabah to provide entrepreneurship assistance.

3.3.2025

Perjumpaan Bersama Penyelaras Tempatan Negeri Sabah

Meeting with Sabah Local Coordinator

36



Jabatan Solusi Dasar Pejabat Wilayah Sabah, diketuai oleh Pegawai Polisi Fatimah, mengadakan perjumpaan di Pejabat APPGM-SDG Sabah, Kota Kinabalu bersama Penyelaras Tempatan dari 9 daerah bagi memperkukuh Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Antara Agensi di peringkat daerah. Turut hadir ialah Puan Nur Rahmah, Fazlina, dan 9 Penyelaras Tempatan dari Kudat, Kota Belud, Kota Marudu, Ranau, Beaufort, Tenom, Keningau, Beluran, dan Lahad Datu. Perbincangan merangkumi juga analisis laporan Pemetaan Isu, sokongan kepada FGD, dan persiapan gerak kerja Jabatan Solusi Dasar Sabah.


The Sabah Policy Solutions Dept, led by Policy Officer Fatimah, held a meeting at the APPGM-SDG Sabah office in Kota Kinabalu with Local Coordinators from nine districts to strengthen the Multi-Agency District-Level SDG Policy Intervention Committee. Also in attendance were Madam Nur Rahmah, Fazlina, and nine Local Coordinators from Kudat, Kota Belud, Kota Marudu, Ranau, Beaufort, Tenom, Keningau, Beluran, and Lahad Datu. Discussions covered issue mapping report analysis, support for FGDs, and the strategic planning of the Sabah Policy Solutions Unit. This initiative ensures more effective SDG localization at the grassroots level in Sabah.

7.3.2025

Mesyuarat Mingguan Penyelaras Tempatan Sabah

Sabah Local Coordinator Weekly Meeting

37



Fatimah Mohd Yasin, Pegawai Dasar dan Penyelidikan bagi wilayah Sabah, mengadakan Mesyuarat Mingguan untuk membincangkan tugas bagi bulan Mac serta analisis Pemetaan Isu di kawasan Parlimen. Penyelaras Tempatan APPGM-SDG yang terlibat adalah Lailah Chung (Kota Belud), Mohd Halbi (Beaufort), Fadillah (Kudat), Shirleyjoy (Tenom), Zazila (Keningau), Fionna (Kota Marudu), Al Hafiz (Beluran), Norita (Ranau), dan Aisyah (Lahad Datu).

Fatimah Mohd Yasin, Policy and Research Officer for the Sabah region, conducted the Weekly Meeting to discuss the March assignments and issue mapping analysis in parliamentary areas. The APPGM-SDG Local Coordinators involved were Lailah Chung (Kota Belud), Mohd Halbi (Beaufort), Fadillah (Kudat), Shirleyjoy (Tenom), Zazila (Keningau), Fionna (Kota Marudu), Al Hafiz (Beluran), Norita (Ranau), and Aisyah (Lahad Datu).

7.3.2025

Parlimen Tuaran: Mesyuarat Susulan Pemetaan Isu

Parliament Tuaran: Follow-up Meeting on Issue Mapping

38



Mesyuarat susulan di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran diadakan bagi memperincikan perancangan pemetaan isu pada 13-16 Mac 2025. Turut hadir ialah Kanil Dayou, Jinik Boriking, pegawai DUN N15 Kiulu, N13 Dalit, N12 Sulaman, Arni Salleh, Ernest Gadion, serta Janet dan Amirul dari APPGM-SDG Sabah. Mesyuarat ini memastikan kelancaran pemetaan isu sebagai langkah strategik memperkukuh Penyetempatan SDG di Parlimen Tuaran.

A follow-up meeting was held at the Tuaran Parliamentary Service Center to finalize the planning for the Issue Mapping exercise scheduled for 13-16 March 2025. Attendees included Kanil Dayou, Jinik Boriking, officers from DUN N15 Kiulu, N13 Dalit, N12 Sulaman, Arni Salleh, Ernest Gadion, as well as Janet and Amirul from APPGM-SDG Sabah. This meeting ensures the smooth execution of the Issue Mapping exercise as a strategic step to strengthen SDG localization in Tuaran Parliament.

10.3.2025

Kunjungan Hormat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Courtesy Visit to the Sabah State Secretary Office

39



Pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah yang diwakili oleh Fazlina, Fatimah, dan Anthony Tan, bersama penyelarar tempatan Fadilah (Kudat), Aisyah (Lahad Datu), dan Lailah (Kota Belud) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Datuk Seri Panglima SR. Haji Safar Bin Untong di Menara Kinabalu. Perbincangan ini untuk memperkenalkan gerak kerja APPGM-SDG di Sabah serta mendapatkan pandangan serta kebenaran bagi merealisasikan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Multi-Agensi negeri yang didanai oleh Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Datuk Rosmadi Datu Sulai JP dan Mohd Rizan Bin Abran. Hasil perbincangan membawa kepada pembentukan jawatankuasa yang akan dipengerusikan oleh SSMJ.

APPGM-SDG Sabah is represented by Fazlina, Fatimah, and Anthony Tan, along with local coordinators Fadilah (Kudat), Aisyah (Lahad Datu), and Lailah (Kota Belud), paid a courtesy visit to YB Datuk Seri Panglima SR. Haji Safar Bin Untong at Menara Kinabalu. The discussion aimed to introduce APPGM-SDG's initiatives in Sabah and gather insights and permission for the establishment of the Multi-Agency State-Level and District level SDG Policy Intervention Committee funded by Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance Malaysia. Also present at the meeting were Datuk Rosmadi Datu Sulai JP and Mohd Rizan Bin Abran. The discussion resulted in the formation of the committee, which will be chaired by SSMJ.

15-18.3.2025

Parlimen Tuaran: Lawatan Tapak & Pemetaan Isu

Parliament Tuaran: Site Visit & Issue Mapping

40



Pasukan APPGM-SDG Sabah telah menjalankan lawatan tapak dan pemetaan isu di Tuaran dengan sokongan Pejabat YB. Lawatan ini bertujuan mengenal pasti cabaran tempatan serta merangka cadangan intervensi bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

APPGM-SDG Sabah team conducted a site visit and issue mapping in Tuaran with the support of YB's Office. This initiative aims to identify local challenges and develop intervention strategies to enhance community well-being in alignment with the Sustainable Development Goals (SDGs).

20.3.2025

Parlimen Putatan: Dialog Antara Agensi*Parliament Putatan: Inter-Agency Dialogue: Issue Mapping*

41



Mesyuarat Antara Agensi bagi Parlimen Putatan telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Putatan, Masawi bin Haji Salleh, dengan kehadiran ADOD, Mohd Hafiz bin Murneh dan ADDO, Awang Musa. APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Nurrul Fazlina, Mc Jeanet, Nor Amirul dan Nur Fadilah selaku Penyelaras Tempatan Kudat. Sebanyak 23 agensi hadir dalam mesyuarat ini.

The Inter-Agency Dialogue Meeting for Issue Mapping in P.173 Putatan was chaired by the Putatan District Officer, Masawi bin Haji Salleh, with the attendance of ADOD Mohd Hafiz bin Murneh and ADDO Awang Musa. APPGM-SDG Sabah Region was represented by Nurrul Fazlina, Mc Jeanet, Nor Amirul, and Local Coordinator for Kudat, Nur Fadilah. A total of 23 agencies participated actively.

21.3.2025

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Induk SDG Intervensi Dasar Sabah*First Meeting of the Sabah SDG Policy Intervention Steering Committee*

42



Jabatan Solusi Dasar APPGM Sabah dan Sabah Maju Jaya (SMJ) mengadakan mesyuarat pertama Jawatankuasa Induk SDG Intervensi Dasar Negeri, dipengerusikan oleh Datuk Rosmadi Datu Sulai JP. Pegawai Daerah dari 9 daerah hadir bagi menubuhkan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar peringkat daerah. Turut hadir Paniirselvam Jayaraman (Pengarah Jabatan Solusi Dasar), Nurul Fazlina Osman (Ketua APPGM SDG Sabah), pasukan penilai impak SDG dari UMS, Profesor Madya Dr. Jakaria Dassan dan Dr. Eko Prayitno Joko serta 9 Penyelaras Tempatan.

APPGM-SDG Policy Solutions Department and Sabah Maju Jaya (SMJ) held the first meeting of the State Policy Intervention SDG Steering Committee, chaired by Datuk Rosmadi Datu Sulai JP. District Officers from 9 districts attended to establish District-Level SDG Policy Intervention Committees. Also present were Mr. Paniirselvam Jayaraman (Director of Policy Solutions Dept), Miss Nurul Fazlina Osman (Head of APPGM SDG Sabah), impact assessment experts from UMS, Associate Professor Dr. Jakaria Dassan and Dr. Eko Prayitno Joko and out 9 Local Coordinators.



JABATAN DAN PUSAT APPGM-SDG | APPGM-SDG DEPARTMENTS & CENTRES

Jabatan dan Pusat APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui pendekatan penyelidikan dasar, latihan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap jabatan—termasuk **Jabatan Solusi Dasar, Unit Advokasi Dasar, Akademi MySDG, dan Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*APPGM-SDG Departments & Centres serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each department—including the **Policy Solutions Department, Policy Advocacy Unit, MySDG Academy, and the MySDG Centre for Social Inclusion**—carries a specific mandate to strengthen SDG localization.*

With strategic support from the Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.



5.3.2025

Syarahannya Dalam Talian: Integrasi Kelestarian dan Tadbir Urus Baik untuk Impak Jangka Panjang

Online Lecture: Integrating Sustainability and Good Governance for Long Term Impact

43



Dr. Khairil telah menyampaikan syarahan secara dalam talian bertajuk “Integrating Sustainability and Good Governance for Long Term Impact” dalam sesi plenari Persidangan Antarabangsa mengenai Peralihan Kelestarian untuk Manusia dan Planet: Halatuju Masa Depan. Persidangan ini dianjurkan oleh St. Joseph’s University Bengaluru, India dan University of Houston-Downtown, Amerika Syarikat.

Dr. Khairil delivered an online lecture titled “Integrating Sustainability and Good Governance for Long Term Impact” for a plenary session of the International Conference on Advancing Sustainability Transitions for People and Planet: The Road Ahead. The conference was organised by St. Joseph’s University Bengaluru, India and University of Houston-Downtown, USA.

9.3.2025

Perbincangan Kumpulan Fokus Untuk VNR 2025

Focus Group Discussion for VNR 2025

44



Dr. Khairil Ahmad telah menyertai Perbincangan Kumpulan Fokus Maya untuk Laporan Semakan Sukarela (VNR) 2025 anjuran Malaysian CSO-SDG Alliance. Sesi tersebut merupakan sebahagian daripada persediaan Malaysian CSO-SDG Alliance untuk membuat serahan komplementari bagi VNR.

Dr. Khairil Ahmad participated in the Malaysian CSO-SDG Alliance Virtual Focus Group Discussion for the 2025 Voluntary National Review (VNR). The FGD is part of the Malaysian CSO-SDG Alliance’s preparation to make a complementary submission towards the VNR.

10.3.2025

Mesyuarat Bersama Institute for Development Studies (IDS) Sabah

Meeting with Institute for Development Studies (IDS) Sabah

45



Satu mesyuarat telah diadakan antara Unit Advokasi Dasar, MySDG-Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI) APPGM-SDG dan Institute for Development Studies (IDS) Sabah bagi membincangkan lebih lanjut kertas kerja penyelidikan yang diusulkan oleh IDS Sabah. Mesyuarat ini dihadiri oleh Dr. Teo Sue Ann (Unit Advokasi Dasar), Dr. Khairil Ahmad (MySDG-CSI), Lydia Ann, Nuha Mysara dan Tariq Ziad dari Unit Advokasi Dasar serta Masneh, Mansalajah, dan Nurul dari IDS Sabah. Perbincangan ini bertujuan memperkukuh kerjasama dalam penyelidikan bagi menyokong matlamat pembangunan lestari di Sabah.

A meeting was held between the Policy Advocacy Unit, MySDG-Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI) APPGM-SDG and the Institute for Development Studies (IDS) Sabah to further discuss the proposed research paper by IDS Sabah. The meeting was attended by Dr. Teo Sue Ann (Policy Advocacy Unit), Dr. Khairil Ahmad (MySDG-CSI), Lydia Ann, Nuha Mysara and Tariq Ziad from the Policy Advocacy Unit, as well as Masneh, Mansalajah and Nurul from IDS Sabah. The discussion aimed to strengthen collaboration in research to support sustainable development goals (SDGs) in Sabah.

26.3.2025

Sesi Temuduga Program Geran Kecil Kajian Kes Untuk Penyelidik Muda

Interview Session for Case Study Small Grants for Young Researchers Programme

46



Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial telah mengadakan sesi temuduga bersama calon yang disenarai pendek bagi APPGM-SDG Case Study Small Grants (CSSG) for Young Researchers Programme. Seramai 14 calon yang menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang sosial telah ditemuduga oleh panel yang terdiri daripada Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli dan Dr. Khairil Ahmad.

The MySDG Centre for Social Inclusion conducted an interview session with shortlisted candidates for the APPGM-SDG Case Study Small Grants (CSSG) for Young Researchers Programme. Fourteen candidates working in various social research areas were interviewed by a panel comprising Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli and Dr. Khairil Ahmad.

Akademi

MySDG

Academy

1.3.2025

Mesyuarat Susulan untuk ASEAN SDG-SSE Forum 2025*Follow Up Meeting on ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

47



Zoel, Philus dan Kezia telah dijemput oleh 8 organisasi utama masyarakat Cina (EMCO) untuk menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina, satu malam yang penuh dengan kemeriahan dan perbincangan bermakna. Kami berpeluang berhubung dengan para pemimpin dalam rangkaian pembangunan belia dan meneroka potensi kerjasama bagi Sidang Kemuncak Belia SDG yang akan berlangsung pada 10 Mei 2025.

Zoel, Philus, and Kezia were invited by 8 major Chinese organizations (EMCO) for a Chinese New Year gathering, an evening filled with festive cheer and meaningful discussions. We had the opportunity to connect with leaders in the youth development network and explore potential collaborations for the upcoming Youth SDG Summit on 10 May 2025.

1.3.2025

Pembentangan Forum ASEAN SDG-SSE 2025 kepada MOFA*Presentation of the ASEAN SDG-SSE Forum 2025 to MOFA*

48



Zoel Ng telah membentangkan perancangan Forum ASEAN SDG-SSE 2025 kepada Dr. Selvaraj Ramasamy Abdullah (Timbalan Ketua Pengarah, Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, AMNS), manakala Nur Farah Ezzaty membentangkan program akan datang untuk Rakyat ASEAN. Dr. Selvaraj menghargai inisiatif APPGM-SDG dalam membangunkan Peta Jalan ASEAN SDG-SSE dari peringkat akar umbi serta memberi sokongan penuh dalam aspek kesedaran dan advokasi. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Hirzawati Atikah, Darshini, dan Saparguly.

Zoel Ng presented our plans for the ASEAN SDG-SSE Forum 2025 to Dr. Selvaraj Ramasamy Abdullah (Deputy Director General, ASEAN Socio-Cultural Community, AMNS), while Nur Farah Ezzaty presented on our upcoming programme for ASEAN Peoples. Dr. Selvaraj appreciates APPGM-SDG's initiative in developing an ASEAN SDG-SSE Roadmap from the grassroots level and provides full support in terms of awareness and advocacy. Also attending the meeting were Hirzawati Atikah, Darshini, and Saparguly.

3.3.2025

Perbincangan Malaysian-ASEAN Youth SGD Summit 2025*Discussion on Malaysian-ASEAN Youth SGD Summit 2025*

49



Zoel, Hirza, Kezia, Iman dan Sapar berbincang dengan Jeremy dari One Utama mengenai Malaysian-ASEAN Youth SGD Summit 2025.

Perbincangan menumpukan hala tuju kerjasama dengan One Utama, sebuah syarikat yang mempunyai strategi kelestarian. APPGM-SDG sentiasa terbuka untuk berkolaborasi dengan sektor korporat bagi mempromosikan amalan terbaik SGD di ASEAN.

Zoel, Hirza, Kezia, Iman, and Sapar met with Jeremy from One Utama to discuss the Malaysian-ASEAN Youth SGD Summit 2025. The discussion focused on setting the direction for collaboration with One Utama, a corporation with a sustainability strategy. APPGM-SDG welcomes corporate partnerships to promote best SGD practices in ASEAN.

6.3.2025

“Pendekatan Berteraskan Matlamat dalam Reka Bentuk Model Perniagaan” Webinar*“Purpose-Driven Approach to Business Model Design” Webinar*

50



Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Wong Poh Kam dari National University of Singapore (NUS) atas perkongsian berharga dalam webinar “Pendekatan Berteraskan Matlamat dalam Reka Bentuk Model Perniagaan”. Sesi yang dikendalikan oleh Hirzawati Atikah ini menekankan kepentingan perusahaan sosial menggabungkan impak sosial dan daya maju kewangan sejak awal, bukannya memberi keutamaan kepada keuntungan terlebih dahulu. Prof. Wong menegaskan bahawa keuntungan dan matlamat sosial perlu dicapai secara serentak. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Benjamin R. Quiñones, Jr. (ASEC) atas ucapan pembukaannya yang memberikan gambaran menyeluruh tentang Ekonomi Sosial dan Solidariti (SSE). Beliau berharap APPGM-SDG dan ASEC dapat memanfaatkan pendekatan ini dalam menilai model perniagaan entiti SSE di Asia.

A heartfelt appreciation to Prof. Wong Poh Kam from National University of Singapore (NUS) for his insightful sharing in the webinar “Purpose-Driven Approach to Business Model Design”. Moderated by Hirzawati Atikah, the session emphasized the importance of social enterprises integrating both social impact and financial viability from the outset. Prof. Wong highlighted that profitability and social purpose should go hand in hand, rather than prioritizing profits first. Our gratitude also extends to Dr. Benjamin R. Quiñones, Jr. (ASEC) for delivering the opening speech, providing an overview of Social and Solidarity Economy (SSE). His hopes for APPGM-SDG and ASEC to utilize this approach in evaluating SSE business models across Asia are truly inspiring.

12.3.2025

Mesyuarat bersama Yayasan Keamanan Sasakawa mengenai ASEAN SDG-SSE Forum 2025

Meeting with Sasakawa Peace Foundation on ASEAN SDG-SSE Forum 2025

51



Hirza dan Iman telah mengadakan pertemuan dengan Dissa Syakina Ahdanisa, pegawai program dari Yayasan Keamanan Sasakawa (SPF) bagi membincangkan kemungkinan penyertaan SPF dalam forum yang akan datang pada Mei 2025. Dissa turut membentangkan pengenalan ringkas mengenai projek SPF di Palu, Indonesia yang memfokuskan kepada pemerkasaan kumpulan rentan (OKU dan wanita) melalui ekonomi inklusif dan Ekonomi Sosial dan Solidariti (SSE). Beliau berminat untuk membentangkan kertas kerja mengenai projek ini dalam forum kami.


Hirza and Iman met with Dissa Syakina Ahdanisa, a programme officer from the Sasakawa Peace Foundation (SPF) to discuss SPF's potential participation in the upcoming forum in May 2025. Dissa also presented a brief introduction to SPF's project in Palu, Indonesia which focuses on empowering vulnerable groups (PwDs and women) through an inclusive economy and Social and Solidarity Economy (SSE). She expressed interest in presenting a paper on SPF's projects in Palu during our forum.

19.3.2025

Mesyuarat bersama Viet Nam Peace and Development Foundation (VPDF)

Meeting with Viet Nam Peace and Development Foundation (VPDF)

52



MySDG Academy yang diwakili oleh Zoel Ng, Hirzawati Atikah, Iman Nurhakim, dan Saparguly Mahtumov telah mengadakan mesyuarat bersama Ms. Duong Thi Nga dan Ms. Phan Ha dari VPDF bagi membincangkan ASEAN SDG-SSE Forum 2025. Dalam sesi ini, Zoel memperkenalkan forum tersebut, termasuk peta jalan ASEAN SDG-SSE (2026-2030) dan konsep SSE. Sebelum ini, MySDG Academy juga telah menjemput Setiausaha Agung VPDF, Mr. Dong Huy Cuong (atas cadangan Dr. Ben) untuk menjadi pembentang dalam sesi Taking Stock of ASEAN for SDGs.

MySDG Academy represented by Zoel Ng, Hirzawati, Iman, and Saparguly, held a meeting with Ms. Duong Thi Nga and Ms. Phan Ha from VPDF to discuss the upcoming ASEAN SDG-SSE Forum 2025. During the session, Zoel introduced the forum, including the ASEAN SDG-SSE Roadmap (2026-2030) and the concept of SSE. Previously, MySDG Academy had also invited the Secretary General of VPDF, Mr. Dong Huy Cuong (upon Dr. Ben's recommendation), to participate as a presenter in the Taking Stock of ASEAN for SDGs session.

21.3.2025

Pembentangan & Lawatan Tapak untuk Youth SGD Summit

Pitching & Venue Recce for Youth SGD Summit

53



Philus membentangkan Youth SGD Summit 2025 kepada Surgirl bagi mendapatkan sokongan dan tajaan sektor swasta. Selain itu, tinjauan lokasi di 1 Utama turut dilakukan oleh Zoel and Philus, yang bakal menjadi venue utama program.


Philus presented the Youth SGD Summit 2025 to Surgirl to secure private sector support and sponsorship. A venue recce was also conducted at 1 Utama by Zoel and Philus, which is set to be our first venue

21.3.2025

Sesi Kedua Libat Urus Awam ASEAN SGD-SSE Forum 2025

2nd Online Public Engagement towards ASEAN SGD-SSE Forum 2025

54



Akademi MySDG, APPGM-SDG dan Pihak ASEC telah menganjurkan webinar bertemakan Planet, menampilkan Encik Immad Ahmed (Penasihat Kemanusiaan/Pengasas Humanitarian Assistance Programme) dan dimoderasikan oleh Saparguly Mahtomov. Ini merupakan webinar kedua daripada tiga siri sebagai persediaan untuk ASEAN SGD-SSE Forum 2025 yang akan berlangsung pada Mei. Immad berkongsi cabaran dan kemajuan Teras Planet di negara-negara ASEAN serta peranan SSE dan perusahaan sosial dalam menangani perubahan iklim serta isu alam sekitar di rantau ini.

MySDG Academy, APPGM-SDG & ASEC hosted a webinar on Planet, featuring Mr. Immad Ahmed (Humanitarian Advisor/Founder, Humanitarian Assistance Programme) and moderated by Saparguly Mahtomov. This was the second of three webinars leading up to the ASEAN SGD-SSE Forum 2025 in May. Immad discussed the challenges and progress of the Planet Pillar in ASEAN countries and how SSEs and social enterprises can contribute to tackling climate change and environmental issues in the region.

25.3.2025

Mesyuarat Perkongsian – Pelaksanaan ASEAN SGD-SSE Roadmap (2026-2030)

Meeting on Partnership in Putting into Action the ASEAN SGD-SSE Roadmap (2026-2030)

55




Akademi MySDG-APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat bersama rakan strategik bagi membangunkan inisiatif program pembangunan kapasiti serantau yang sejajar dengan ASEAN SGD-SSE Roadmap (2026-2030). Perbincangan ini bertujuan memperkukuh kerjasama dalam memperkasakan pembangunan mampan dan keusahawanan sosial di ASEAN.

MySDG Academy/APPGM-SDG held a meeting with key partners to develop a regional capacity-building initiative aligned with the ASEAN SGD-SSE Roadmap (2026-2030). The discussion aimed to strengthen collaboration in advancing sustainable development and social entrepreneurship across ASEAN.

26.3.2025**Mesyuarat bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat & DBKL untuk ASEAN Peoples***Meeting with the Speaker of Parliament & DBKL for ASEAN Peoples***56**

Hirza telah menyertai Pusat KOMAS dalam sesi pertemuan bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul bagi penyerahan Advisory Paper serta membincangkan kerjasama sempena AIPA Assembly. Selain itu, satu mesyuarat turut diadakan bersama DBKL bagi membincangkan penetapan lokasi dan pembiayaan untuk ASEAN Peoples yang akan berlangsung pada 24-25 Mei 2025.

Hirza joined Pusat KOMAS to meet the Speaker of the Parliament of Malaysia, H.E. Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul for the handover of the Advisory Paper and discussions on partnership during the AIPA Assembly. Additionally, a meeting was held with DBKL to secure the venue and funding for ASEAN Peoples scheduled for 24-25 May 2025.

26.3.2025**APPGM-SDG x Pembangunan Belia***APPGM-SDG x Youth Development***57**

Philus dan Sapar telah menghadiri mesyuarat bersama UNICEF Malaysia bagi membincangkan kerjasama dalam Youth SDG Summit yang akan datang. Perbincangan ini bertujuan memperkukuh usaha pembangunan belia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dengan penekanan terhadap penyertaan belia dalam inisiatif global dan kebangsaan.

Philus and Sapar attended a meeting with UNICEF Malaysia to discuss a partnership for the upcoming Youth SDG Summit. The discussion focused on strengthening youth development efforts aligned with the Sustainable Development Goals (SDGs), emphasizing youth participation in both global and national initiatives.

27.3.2025**APPGM-SDG x Pembangunan Belia & MySDG Academy***APPGM-SDG x Youth Development & MySDG Academy***58**

Zoel, Hirza dan Philus telah menghadiri mesyuarat bersama Taylor's University Impact Labs bagi membincangkan potensi kerjasama dalam projek Assistive Clothing. Projek ini bertujuan menangani isu kritikal kekurangan pilihan pakaian adaptif di pasaran yang sesuai untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

Zoel, Hirza, and Philus attended a meeting with Taylor's University Impact Labs to explore a potential collaboration on the Assistive Clothing project. This initiative addresses the critical issue of the limited market availability of adaptive clothing designed for Persons with Disabilities (PWDs).



JABATAN SOLUSI DASAR | POLICY SOLUTION DEPARTMENT

3-4.3.2025**Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan, Wilayah Utara, Selatan dan Tengah**
*Capacity Building for Local Coordinators – Northern, Southern and Central Regions***59**

Latihan Penyelaras Tempatan selama dua hari melibatkan 7 LC dari Utara, 1 dari Selatan, dan 2 dari Tengah. Paniir (Pengarah Jabatan Solusi Dasar) memberikan taklimat terperinci mengenai peranan, tanggungjawab, serta garis panduan yang perlu dipatuhi.

The two-day Local Coordinator training involved 7 LCs from the North, 1 from the South, and 2 from the Central region. Paniir (Director of Policy Solutions Initiative) provided a detailed briefing on roles, responsibilities, and essential guidelines.

UNIT ADVOKASI DASAR | POLICY ADVOCACY UNIT

4.3.2025

Perbincangan Meja Bulat Dasar Keterjaminan Makanan

Policy Roundtable Discussion on Food Security

60



Sembilan Ahli Parlimen telah menyertai Perbincangan Meja Bulat Dasar mengenai keterjaminan makanan, memperkuat wacana strategik bagi menangani isu ini secara holistik. YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib turut menyumbang pandangan bernilai, menghubungkan agenda EPU & SDG dalam merangka penyelesaian yang lebih berkesan.

Nine Members of Parliament participated in a Policy Roundtable Discussion on food security, strengthening strategic discourse on holistic solutions to this issue. YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib provided valuable insights, linking the EPU & SDG agenda for more effective policy interventions.

6.3.2025

Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar: Tiada Kewarganegaraan

Policy Focus Group Discussion: Statelessness

61



Unit Advokasi Dasar telah menganjurkan Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar bertemakan Tiada Kewarganegaraan di Parlimen Malaysia pada 6 Mac. Sesi ini melibatkan penyertaan anggota Parlimen bagi meneliti cabaran dasar serta langkah strategik dalam menangani isu orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia.

The Parliamentary Policy Advocacy organized a Policy Focus Group Discussion on Statelessness at Parliament Malaysia on March 6. The session involved the participation of Members of Parliament, focusing on policy challenges and strategic measures to address the issue of stateless people in Malaysia.

24.3.2025

Perbincangan Meja Bulat: "Social Protection: Are We Secured or at Risk?" – Universiti Kebangsaan Malaysia

Roundtable Discussion: "Social Protection: Are We Secured or at Risk?" – Universiti Kebangsaan Malaysia

62



Dr. Teo Sue Ann, Lydia Ann, dan Nuha Mysara telah menghadiri perbincangan meja bulat anjuran UKM-MINDA, membincangkan cabaran perlindungan sosial di Malaysia. Panel dihadiri oleh Encik Edmund Cheong (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, PERKESO) dan Puan Hawati Abdul Hamid (Pengurus Kanan, KWSP) dengan Dr. Roslan sebagai moderator. Isu utama yang diketengahkan termasuk simpanan persaraan yang tidak mencukupi, perlindungan sosial bagi pekerja sektor informal, serta kekurangan program berfokus pada aspek sosio-ekonomi.

Dr. Teo Sue Ann, Lydia Ann, and Nuha Mysara participated in a roundtable discussion hosted by UKM-MINDA, focusing on Malaysia's social protection challenges. Panelists included Encik Edmund Cheong (Deputy CEO, PERKESO) and Puan Hawati Abdul Hamid (Senior Manager, KWSP), moderated by Dr. Roslan from MIDA. Key issues discussed included inadequate retirement savings, limited social protection for informal sector workers, and the lack of socio-economic-focused programs.

KUNJUNGAN HORMAT KE KEMENTERIAN COURTESY VISIT TO MINISTRIES

21.3.2025

Mesyuarat Bersama KDN bagi SDG 16 – Laporan VNR 2025

Meeting with Ministry of Home Affairs (KDN) on SDG 16 – VNR 2025 Report

63



Prof. Datuk Dr. Denison, Dr. Sue, Dr. Khairil, dan Debbie menghadiri mesyuarat bersama KDN bagi mendapatkan input berkaitan SDG 16 untuk penulisan laporan VNR 2025. KDN merupakan kementerian utama bagi SDG 16. Mesyuarat turut dihadiri wakil daripada PDRM, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Majlis Anti-Pemerdagangan Orang, Pusat SDG Negara dan lain-lain agensi berkaitan.

Datuk Denison, Dr. Sue, Dr. Khairil, and Debbie attended a meeting with KDN to gather input on SDG 16 for the VNR 2025 report. KDN is the lead ministry for SDG 16. The session was well-attended by representatives from PDRM, National Registration Department, Malaysian Prisons Department, Anti-Trafficking Council, National SDG Centre, and other key agencies.

21.3.2025

Sesi Kunjungan Hormat APPGM-SDG ke KPKM

APPGM-SDG Courtesy Visit to KPKM

64



APPGM-SDG telah mengadakan satu sesi kunjungan hormat ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membincangkan hala tuju kerjasama dalam mencapai matlamat pembangunan mampan. Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian KPKM, Ahmad Fauzi Bin Idris, dengan kehadiran pegawai kanan KPKM. Pihak KPKM menyambut baik penyerahan Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM-SDG dan menekankan kepentingan penyelesaian rentas pihak berkepentingan.

PPGM-SDG held a courtesy visit with the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) to discuss future collaboration in advancing sustainable development goals. The meeting, chaired by Deputy Secretary Ahmad Fauzi Bin Idris, included senior KPKM officials. KPKM welcomed the submission of the APPGM-SDG Parliamentary-Level SDG Policy Report and emphasized the importance of cross-sectoral solutions.

PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

5.3.2025

Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 2/25
APPGM-SDG Committee Meeting Bil 2/25

65




Pihak Sekretariat APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 2/25 bagi memberikan kemaskini gerak kerja APPGM-SDG serta mendapatkan kelulusan ahli jawatankuasa bagi projek solusi dan projek kebun komuniti. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah dan disertai oleh YB Puan Rodiyah, YB Puan Young Syefura, YB Dato' Siti Zailah, YB Tuan Rushdan Rusmi dan YB Senator Isaiah.

The APPGM-SDG Secretariat has called for an APPGM-SDG Committee Meeting Bil 2/25 to give an update on APPGM-SDG work and YBs' approval for solutions and community farming projects. This meeting has been chaired by YB Isnaraissah Munirah and joined by YB Rodiyah, YB Young Syefura, YB Dato' Siti Zailah, YB Rushdan Rusmi and YB Senator Isaiah.

5.3.2025

Sesi Penerangan Projek Keterjaminan Makanan
Food Security Briefing Session

66



Pasukan Keterjaminan Makanan telah mengadakan sesi taklimat yang disertai oleh Fatimah, Jeanet, serta 21 peserta. Perbincangan menekankan kepentingan keterjaminan makanan dalam pembangunan mampan serta proses permohonan geran bagi inisiatif berkaitan.

The Food Security Team conducted a briefing session attended by Fatimah, Jeanet, and 21 participants. Discussions highlighted the importance of food security in sustainable development and the grant application process for related initiatives.

5.3.2025

Perbincangan Bersama Datuk Sri Mustafa*Discussion with Datuk Sri Mustafa*

67



APPGM-SDG berbesar hati bertemu dengan Penasihat Persatuan, Datuk Sri Mustafa, untuk sesi perbincangan bermakna. Kami menghargai pandangan dan nasihat beliau dalam memperkukuh usaha kami ke arah pembangunan mampan.

APPGM-SDG was honored to meet with our Association Advisor, Datuk Sri Mustafa, for an insightful discussion. We deeply appreciate his guidance and advice in strengthening our efforts towards sustainable development.

6.3.2025

Pembentangan Cadangan Dokumentari*Documentary Proposal Presentation*

68




Azhad membentangkan cadangan dokumentari kepada Prof. Datuk Dr. Denison, Puan Nur Rahmah dan James bagi perancangan projek dokumentari APPGM-SDG.

Azhad presented a documentary proposal to Prof. Datuk Dr. Denison, Madam Nur Rahmah, and James as part of APPGM-SDG's documentary project planning.

7.3.2025
Mesyuarat Mengemaskini Gerak Kerja Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen (CCD)
Constituency Coordination Department (CCD) Regular Meeting

69



Pasukan Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen (CCD) telah mengadakan sesi perbincangan dalaman bagi menilai semula pencapaian semasa, mengenal pasti cabaran yang dihadapi, serta merancang strategi penambahbaikan bagi memperkukuh pelaksanaan kerja lapangan di peringkat parlimen. Fokus perbincangan tertumpu kepada fasa suku pertama dan perancangan bagi bulan-bulan mendatang sepanjang tahun 2025. Sesi ini juga membuka ruang perkongsian pengalaman antara pasukan, pengukuhan koordinasi, dan pelarasan tindakan bagi memastikan keselarasan antara semua zon dan wilayah.

The Constituency Coordination Department (CCD) team held an internal review session to reassess current progress, identify ongoing challenges, and plan improvements to enhance fieldwork implementation across parliamentary constituencies. The discussion focused on the first quarter phase and strategies for the upcoming months throughout 2025. This session also served as a platform for knowledge sharing, strengthening coordination, and aligning action plans across all zones and regions.

8.3.2025
Temu Bual Eksklusif RTM di Ruang Komuniti MySDG
Exclusive RTM Interview at Ruang Komuniti MySDG

70



Mary telah ditemu bual oleh wartawan RTM di Ruang Komuniti MySDG, di mana beliau berkongsi mengenai projek Sekretariat APPGM-SDG, khususnya yang memberikan manfaat kepada wanita dan ibu tunggal. Beliau menekankan SDG 5 (Kesaksamaan Gender) dan SDG 8 (Pekerjaan yang Bermaruah dan Pertumbuhan Ekonomi), serta menjelaskan bagaimana projek-projek kami telah memberi impak positif kepada kumpulan rentan ini.

Mary was interviewed by an RTM journalist at Ruang Komuniti MySDG, where she shared insights about Secretariat APPGM-SDG projects, particularly those benefiting women and single mothers. Emphasizing SDG 5 (Gender Equality) and SDG 8 (Decent Work and Economic Growth), she explained how our initiatives have positively impacted this vulnerable group.

20.3.2025
Mesyuarat Pemantauan Bulanan Mac Penyelaras Tempatan
Local Coordinator March Monitoring Meeting

71



APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat pemantauan bulanan bersama wakil zon dan penyelaras tempatan dari seluruh negara. Sesi ini menyaksikan pembentangan daripada 11 Penyelaras Tempatan Zon Sabah & Tengah, diikuti kemas kini daripada Ketua Zon dan Pegawai Dasar. Pasukan Sabah turut berkongsi pelaksanaan inisiatif Focus Group Discussion (FGD). Zon Pantai Timur & Wilayah Sarawak membentangkan sesi pemantauan dengan penglibatan 15 Penyelaras Tempatan. Sementara itu, sesi pecahan dua bilik menyaksikan 16 Penyelaras dari Zon Utara, Selatan, dan Tengah berkongsi perkembangan, dibimbing oleh Dr. Wan (Selatan) dan Dr. Thanaraj (Utara). Turut hadir ialah Dr. Siti (Ketua Zon Pantai Timur), Dr. Eva (Pegawai Dasar Wilayah Sarawak), Mel (Ketua Pejabat Wilayah Sarawak) dan Encik Paniir (Pengarah Jabatan Solusi Dasar).

APPGM-SDG conducted its monthly monitoring session with zonal representatives and local coordinators nationwide. The session featured presentations by 11 Local Coordinators from Sabah & Central Zones, along with updates from Zonal Heads and Policy Officers. The Sabah team also shared updates on their Focus Group Discussion (FGD) initiatives. Monitoring presentations continued with 15 Local Coordinators from East Coast Zone & Sarawak Region. Two breakout sessions followed, where 16 Coordinators from the North, South & Central Zones presented updates, guided by Dr. Wan (South) and Dr. Thanaraj (North). Also present were Dr. Siti (East Coast Zone Lead), Dr. Eva (Policy Officer, Sarawak Region), Mel (Sarawak Regional Office Lead), and Mr. Paniir (Director, Policy Solutions Department).

21.3.2025
Mesyuarat Berkenaan Isi Kandungan Laporan Tahunan
Annual Report Content Meeting

72



Pasukan Projek (Nur Farah Ezzaty & Dana Claudia) dan Pasukan Komunikasi Korporat (Kezia Sim & Saparguly Mahtumov) mengadakan mesyuarat ringkas bagi menyusun projek 2024 untuk Laporan Tahunan. Tujuan utama adalah memastikan kerjasama lancar antara kedua-dua jabatan.

The Project Team (Nur Farah Ezzaty & Dana Claudia) and Corporate Communications Team (Kezia Sim & Saparguly Mahtumov) held a brief meeting to compile 2024 projects for the Annual Report, ensuring smooth interdepartmental collaboration.

25.3.2025

Sesi Temuduga Penyelaras Tempatan*Local Coordinator Interview Session*

73



Satu sesi temuduga telah diadakan bagi jawatan Penyelaras Tempatan dalam Inisiatif Intervensi Dasar Peringkat Daerah oleh Jabatan Solusi Dasar. Seramai lima calon dari Zon Utara, Pantai Timur, dan Sarawak telah ditemuduga. Sesi ini dihadiri oleh Puan Rahmah, Anthony, Paniir, Dr. Siti, Dr. Thanaraj, Melissa, Jannah, dan Athirah.

An interview session was conducted for the Local Coordinator position in the District-Level Policy Intervention Initiative by the Policy Solutions Department. A total of five candidates from the Northern, East Coast, and Sarawak zones were interviewed. The session was attended by Madam Rahmah, Anthony, Paniir, Dr. Siti, Dr. Thanaraj, Melissa, Jannah, and Athirah.

25.3.2025

Mesyuarat Penyelaras Hala Tuju Kajian Kemiskinan APPGM-SDG*APPGM-SDG Research Way Forward Coordination Meeting*

74



Satu mesyuarat antara Unit Advokasi Dasar (PAU), Jabatan Dasar Solusi (PSD), Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen (CCD) telah diadakan bagi membincangkan cadangan hala tuju untuk memanfaatkan dapatan daripada kajian kemiskinan di bawah APPGM-SDG. Pemerkasaan dan kerjasama antara agensi tempatan adalah kunci keberkesanan intervensi meningkatkan kualiti hidup di akar umbi.

A meeting involving the Policy Advocacy Unit (PAU), Policy Solution Department (PSD), Constituency Coordination Department (CCD) was held to discuss strategic directions in utilizing insights from APPGM-SDG's poverty research. Strengthening local agency collaboration is crucial to ensuring effective interventions enhancing the quality of life for grassroots.

25.3.2025

Mesyuarat untuk Semakan Akhir Buku Panduan Pembangunan Kapasiti*Final Review Meeting for Capacity Building Handbook*

75



Nurmaisarah and Siti Shafina from the Capacity Building Unit held a discussion with Dr. Teo Lee Ken and Nurul Syaza to finalize the content of the latest Capacity Building Handbook. The handbook will serve as the official training reference for programs conducted under the Parliamentary Coordination Department, APPGM-SDG. The meeting focused on aligning training content with field realities and ensuring that the approach remains inclusive, interactive, and aligned with the goals of the Sustainable Development Goals (SDG).

Nurmaisarah and Siti Shafina from the Capacity Building Unit held a discussion with Dr. Teo Lee Ken and Nurul Syaza to finalize the content of the latest Capacity Building Handbook. The handbook will serve as the official training reference for programs conducted under the Parliamentary Coordination Department, APPGM-SDG. The meeting focused on aligning training content with field realities and ensuring that the approach remains inclusive, interactive, and aligned with the goals of the Sustainable Development Goals (SDG).



SDG 17

KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama untuk Matlamat menjadi teras kepada pelaksanaan APPGM-SDG, di mana **kerjasama strategik dengan pelbagai pihak—termasuk Parlimen, agensi kerajaan, universiti, masyarakat sivil, dan sektor swasta**—digembleng untuk memperkukuh pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan ini, pelbagai jalinan kerjasama baharu telah dimeterai dan diperluas, membina ekosistem pelaksana yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan demi mencapai impak kolektif**.

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The Headquarters plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact**.*

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

6.3.2025

Bengkel Kefahaman & Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD): Voluntary Local Review & Hala Tuju SDG

Understanding Workshop & Focus Group Discussion (FGD): Voluntary Local Review & SDG Roadmap

76



Siti Noraiysah dan Siti Shafina telah menghadiri Bengkel Kefahaman & Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD): Penyediaan Laporan Voluntary Local Review dan Laporan Hala Tuju Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Peta Jalan Bandar bagi Majlis Perbandaran Kajang, anjuran Urbanice Malaysia dan Majlis Perbandaran Kajang pada 6 Mac di Bangi Resort Hotel. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Nazli bin Mat Taib, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang.

Siti Noraiysah and Siti Shafina attended the Understanding Workshop & Focus Group Discussion (FGD): Preparation of the Voluntary Local Review Report and City Roadmaps for Sustainable Development Goals (SDG) Achievement, organized by Urbanice Malaysia and Majlis Perbandaran Kajang on March 6 at Bangi Resort Hotel. The workshop was officiated by YBhg. Tuan Nazli bin Mat Taib, President of Majlis Perbandaran Kajang.

6.3.2025

Standing Consultation Partnership – Voluntary National Review (VNR)

Standing Consultation Partnership – Voluntary National Review (VNR)

77



APPGM-SDG sebagai rakan kerjasama telah menyertai sesi Standing Consultation Partnership – Voluntary National Review (VNR) Project bersama United Nations Development Programme (UNDP). Program ini menghimpunkan lebih daripada 60 peserta dari pelbagai latar belakang dan negeri, termasuk wakil masyarakat Orang Asli, wakil dari Sabah dan Sarawak, NGO daripada peringkat akar umbi, serta golongan belia. Kehadiran mereka mencerminkan keterangkuman dalam perbincangan mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia.

APPGM-SDG, as a collaborative partner, participated in the Standing Consultation Partnership – Voluntary National Review (VNR) Project session with the United Nations Development Programme (UNDP). The program brought together over 60 participants from diverse backgrounds and states, including representatives of the Orang Asli community, delegates from Sabah and Sarawak, grassroots NGOs, as well as youth representatives. Their presence reflected inclusivity in the discussions surrounding the Sustainable Development Goals (SDGs) in Malaysia.

6.3.2025

Mesuarat Sekretariat APPGM-SDG Bersama Pengerusi Bersama Baharu CSO-SDG Alliance*APPGM-SDG Secretariat Meeting with New Co-Chair of CSO-SDG Alliance*

78



Sekretariat APPGM-SDG mengadakan mesuarat bagi menyambut Pengerusi Bersama baharu CSO-SDG Alliance. Turut serta, EXCO PPMP, antara anggota pengasas Alliance, dalam sesi perbincangan ini dan komited untuk memperkukuh kerjasama dalam memajukan SDG di Malaysia.

The APPGM-SDG Secretariat held a meeting to welcome the new Co-Chair of the CSO-SDG Alliance. Also present were PPMP EXCO, founding members of the Alliance, who joined the discussion. Looking forward to strengthening this collaboration for SDG advancement in Malaysia.

12.3.2025

Dialog Dasar Pelbagai Pihak Berkepentingan: Krisis 'Sandwich Generation'*Multi-Stakeholder Policy Dialogue: The 'Sandwich Generation' Crisis*

79



Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Ara Ezzaty, dan Debbie Loh menghadiri sesi libat urus RMK13 anjuran Kementerian Ekonomi, yang membentangkan kerangka pembangunan negara dan unjuran pencapaian SDG.

Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Ara Ezzaty, and Debbie Loh attended the RMK13 engagement session by the Ministry of Economy, discussing the national development framework and SDG projections.

13.3.2025

Sesi Libat Urus Pembangunan Mampan (Roadmap) dan Voluntary Local Review*Sustainable Development Engagement Session (Roadmap) and Voluntary Local Review*

80



APPGM-SDG yang terdiri daripada Ira, Janet, Fionna, Fadilah, Halbi & Shirley telah menghadiri sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan swasta. Sesi ini dianjurkan oleh URBANICE Malaysia dan Majlis Daerah Tuaran dengan kerjasama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Perbincangan ini bertujuan memperkukuh hala tuju pembangunan mampan di peringkat tempatan serta menyokong pelaksanaan Voluntary Local Review (VLR) sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap Agenda 2030.

APPGM-SDG team represented by Ira, Janet, Fionna, Fadilah, Halbi & Shirley, participated in an engagement session with government and private agencies. This session was organized by URBANICE Malaysia and Majlis Daerah Tuaran, in collaboration with the Ministry of Local Government and Housing. The discussion aimed to strengthen local sustainable development strategies and support the implementation of the Voluntary Local Review (VLR) as part of the commitment to the 2030 Agenda.

17.3.2025

Mesyuarat Permurnian Hala Tuju SDG

SDG Direction Refinement Meeting

81



APPGM-SDG menghadiri Mesyuarat Permurnian Hala Tuju SDG yang dianjurkan oleh Pusat SDG Negara di Everly, Putrajaya. Sesi ini turut dihadiri oleh Paniirselvam, Dr. Ken, Dr. Khairil, dan Debbie, yang bersama-sama membincangkan strategi serta hala tuju pelaksanaan SDG di Malaysia. Perbincangan ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh sinergi antara pihak berkepentingan dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) secara efektif dan berimpak tinggi.


APPGM-SDG attended the SDG Direction Refinement Meeting organized by the National SDG Centre at Everly, Putrajaya. The session was also attended by Paniirselvam, Dr. Ken Dr. Khairil, and Debbie, who engaged in discussions on strategic approaches and the future direction of SDG implementation in Malaysia. This discussion plays a crucial role in strengthening synergy among stakeholders to effectively achieve the Sustainable Development Goals (SDG) with high-impact outcomes.

20.3.2025

Siri Syarahan Awam Pemikiran & Dasar Awam Ungku Aziz 3/25

Ungku Aziz Thought & Public Policy Public Lecture Series 3/25

82



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria menyampaikan syarahan bertajuk Resolusi Tajaan Malaysia (52/8) mengenai Promosi Hak Asasi & SDG di Majlis Hak Asasi Manusia: Implikasi dalam Menangani Kemiskinan & Ketidaksamaan di Malaysia. Sesi ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC), Universiti Malaya.

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria delivered a lecture on Malaysia's Sponsored Resolution (52/8) on Promotion of Human Rights & SDG at the Human Rights Council: Implications for Addressing Poverty & Inequality in Malaysia. Organized by the Ungku Aziz Centre for Development Studies (UAC), Universiti Malaya.

24.3.2025

Kunjungan ke Kedutaan Kesatuan Eropah

Visit to the European Union Embassy

83



Anthony Tan menghadiri sesi di Kedutaan Kesatuan Eropah. Encik Timo Goosmann membuka majlis dengan ucapan alu-aluan sebelum pembentangan mengenai pelbagai fahaman agama sebagai persediaan. Majlis ini mencerminkan semangat keterangkuman dan saling menghormati antara komuniti berbilang agama selari dengan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan.

Anthony Tan was present at the European Union Embassy. Mr Timo Goosmann delivered his opening remarks before the presentations on different faiths in preparation. The event reflected the spirit of inclusion and mutual respect among diverse religious communities, in line with the values of the Sustainable Development Goals.

24.3.2025

Perbincangan Atas Talian bersama NGO Antarabangsa

Online Dialogue with International NGOs

84



Anthony Tan telah menyertai satu perbincangan atas talian bersama Encik Oli serta wakil-wakil NGO dari pelbagai negara yang berminat untuk menyediakan Kad Skor SDG bagi negara masing-masing. Sesi ini membuka ruang pertukaran pandangan dan pengalaman dalam pelaksanaan serta pemantauan Matlamat Pembangunan Mampan di peringkat global.

Anthony Tan participated in an online discussion with Mr Oli and NGO representatives from various countries who are interested in preparing the SDG Scorecard for their respective nations. The session enabled a valuable exchange of insights and experiences on implementing and monitoring the Sustainable Development Goals globally.

26.3.2025

Laporan Rasisme Malaysia: 10 Tahun Pemantauan Rasisme

Malaysia Racism Report: 10 Years of Monitoring Racism

85



Dr. Khairil Ahmad and S.P. Karuppiyah menghadiri pelancaran Laporan Rasisme Malaysia: 10 Tahun Pemantauan Rasisme di Malaysia oleh Pusat Komus. Laporan ini dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang.

Dr. Khairil Ahmad and S.P. Karuppiyah attended the launch of Malaysia Racism Report: 10 Years of Monitoring Racism in Malaysia by Pusat Komus. The report was officiated by National Unity Minister, YB Datuk Aaron Ago Dagang.

RAKAN SOLUSI | SOLUTION PROVIDER

4.3.2025

Mesyuarat Pengenalan PRS MPL

PRS MPL Introductory Meeting

86



Mesyuarat pengenalan pertama Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) diadakan secara hibrid dengan 22 ahli, termasuk Prof. Datuk Dr. Denison, James, Ara, Darshini, Pasukan Pengurusan Projek, dan Rakan Solusi. Mesyuarat dimulakan dengan sesi ice-breaking, diikuti perbincangan mengenai hala tuju persatuan, perlembagaan, peraturan, bajet, dan kewangan. Prof. Datuk Dr. Denison berkongsi cadangan untuk memperkukuh peranan persatuan, menggalakkan kerjasama, dan memastikan impak mampan kepada komuniti. Mesyuarat bersetuju melantik beliau sebagai Penasihat.


The first introductory meeting of the Sustainable Development Goals Solution Partners Association (PRS MPL) was held in hybrid mode with 22 members, including Prof. Datuk Dr. Denison, James, Ara, Darshini, the Project Management Team, and Solution Providers. The session began with an ice-breaking activity, followed by discussions on the association's direction, constitution, bylaws, budget, and financial matters. Prof. Datuk Dr. Denison shared insights on strengthening the association's role, fostering collaboration, and ensuring a sustainable community impact. The meeting agreed to appoint him as Advisor.

12-19.3.2025

Sesi Pemantauan Bulanan Sekuriti Makanan

PRS MPL Introductory Meeting

87



Sesi pemantauan bulanan telah dijalankan di enam wilayah merangkumi Zon Tengah, Timur, Utara, Selatan, Sabah dan Sarawak, melibatkan 82 penyedia solusi. Dipimpin oleh pasukan Sekuriti Makanan — Dana, Darshini, Shai dan Tiya — bersama pegawai wilayah Jeanet dan Corrin, sesi ini menjadi medan penting untuk menyelaraskan pelaksanaan penyelesaian akar umbi demi memperkukuh sekuriti makanan negara.

From 12 to 19 March, monthly monitoring sessions were conducted across six regions — Central, East, North, South, Sabah, and Sarawak — with the participation of 82 solution providers. Led by the dedicated Food Security Team — Dana, Darshini, Shai, and Tiya — together with regional officers Jeanet and Corrin, these sessions provided a key platform to coordinate grassroots solutions and strengthen the nation's food security efforts.

25.3.2025

Mesyuarat Pemantauan Bulanan bersama Rakan Solusi

Monthly Monitoring Meeting with Solution Providers

88



APPGM-SDG mengadakan sesi pemantauan bulanan bersama Rakan Solusi dari Zon Pantai Timur dan Zon Selatan. Balqis, Shazie, dan Victoria memimpin sesi ini, menyaksikan 9 Rakan Solusi dari Pantai Timur membentangkan perkembangan projek mereka, termasuk cabaran dan cadangan penyelesaian. Turut serta, 8 Rakan Solusi dari Zon Selatan berkongsi kemajuan inisiatif masing-masing serta impak terhadap komuniti setempat.


APPGM-SDG held its monthly monitoring session with Solution Partners (SPs) from the East Coast and Southern Zones. Led by Balqis, Shazie, and Victoria, the session featured updates from 9 East Coast SPs, who shared their project progress, challenges, and solutions. In addition, 8 Southern Zone SPs presented their initiatives, highlighting achievements and impact on local communities.

26.3.2025

Mesyuarat Jawatankuasa Bil 3/25

APPGM-SDG Committee Meeting Bil 3/25

89



Mesyuarat Kelulusan Jawatankuasa APPGM-SDG telah dihadiri oleh YB Puan Young Syefura, YB Tuan Mordi Anak Bimol, YB Tuan Rushdan Rusmi, dan YB Senator Isaiah. Turut hadir, ahli Sekretariat APPGM-SDG termasuk Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Puan Rahmah, Ara, Dana, Mary dan Balqis. Mesyuarat ini membentangkan kemas kini serta perkembangan inisiatif sedia ada, dan meluluskan lima cadangan projek baharu untuk pelaksanaan.

The APPGM-SDG Committee convened its Approval Meeting on 26 March 2025, attended by YB Puan Young Syefura, YB Tuan Mordi Anak Bimol, YB Tuan Rushdan Rusmi, and YB Senator Isaiah. Also present were APPGM-SDG Secretariat members including Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Puan Rahmah, Ara, Dana, Mary, and Balqis. The session included updates on ongoing initiatives, and the approval of five new project proposals for implementation.

BUKAN AGENSI TIDAK MAHU LAKSANA TETAPI ADA UNDANG-UNDANG YANG KENA PATUHI (P074 Lumut)

Dr. Thanaraj Murudi

90



Pihak agensi kerajaan sentiasa mengambil maklum dan prihatin terhadap keperluan serta permintaan penduduk, terutamanya berkaitan dengan keadaan struktur jalan di kampung-kampung. Namun, pelaksanaan sebarang penambahbaikan perlu mengambil kira aspek undang-undang yang berkaitan. Sebagai contoh, meskipun status tanah di kampung-kampung adalah hak milik individu, Pejabat Daerah tetap menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan bagi memastikan kemudahan asas terjaga. Walau bagaimanapun, usaha untuk memperbesarkan jalan seperti yang diminta oleh penduduk tidak dapat dilaksanakan sewenang-wenangnya kerana ia melibatkan status pemilikan tanah persendirian. Sebarang perubahan atau pengambilan tanah perlu melalui prosedur yang ditetapkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Dalam hal ini, Pihak Majlis Perbandaran Manjung yang menyelaraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam pembangunan setempat turut memainkan peranan utama dalam merancang dan melaksanakan pembangunan daerah. Pihak majlis sentiasa memastikan setiap pembangunan yang dirancang adalah selari dengan dasar yang telah ditetapkan serta mematuhi peraturan berkaitan pemilikan tanah dan infrastruktur.

Pihak agensi sentiasa mengambil maklum terhadap setiap isu yang diketengahkan oleh penduduk, namun setiap keputusan dan tindakan memerlukan penelitian yang rapi agar tidak bercanggah dengan peraturan yang berkuat kuasa. Perancangan untuk penambahbaikan infrastruktur sentiasa dalam perhatian dan akan dilaksanakan mengikut keperluan serta kepentingan semua pihak dengan mengambil kira aspek perundangan yang terlibat.

REVISIT KAMPUNG TAI LEE BUNTONG “QUESTION: AM I STILL A SQUATTER?”

Dr. Thanaraj Murudi

91



"Saya lahir di sini, dan saya mahu mati di sini." – Papa Muniandy, 68

Kampung Tai Lee is home to approximately 55 Indians residing in aging wooden houses built by their forefathers in 1914. The settlement was officially established on October 23, 1914. Most of the early settlers were laborers working in and around Ipoh (now a city). While the majority were Indians, a few Chinese and Malay families also lived there. Over time, the Chinese and Malay residents moved out, leaving behind around 55 impoverished Indian families. Today, only 26 families remain.

Originally, Kampung Tai Lee belonged to a Chinese owner, Chan Tai Lee, before being sold to another party.

This settlement, one of the earliest Indian communities in the Buntong area known for having the highest concentration of Indians in Malaysia is home to many hardcore poor families.

Madam Papa a/p Muniandy recalled a land dispute in 1996 when a broker threatened them to vacate the land for commission.

Around 1997, the landowners began issuing eviction notices to most residents and subsequently filed legal proceedings against 53 of them, claiming they were squatters.

The matter was later settled in court with the assistance of YB Kulasegaran, the MP for Ipoh Barat.

After a lengthy legal battle, the court ruled in 2013 that the landowners must compensate each resident with RM10,000, but they were required to vacate by April 2014. However, the residents declined the offer, as they were the fifth generation living there. Many agreed to leave, provided they were given proper new housing.

Kampung Tai Lee, once notorious for gangsterism and drug activity, has since transformed its image. An initiative by APPGM-SDG with Ipoh Modal Farm is one of the collaborations (usahasama) aimed at helping the residents of Kampung Tai Lee.



Tarikh Program

Programme Dates



1	Forum Perniagaan Asia-Pacific (APBF) 2025 <i>The Asia-Pacific Business Forum (APBF) 2025</i>	10 Apr 2025
2	Penyetempatan SDG & Projek Solusi Peringkat Komuniti <i>Localising SDG & Solution Projects at The Community Level</i>	11 Apr 2025
3	Bengkel Pembangunan Kapasiti Penyelaras Tempatan, Inisiatif Intervensi Dasar <i>Capacity Building Workshop for Local Coordinators of Policy Intervention Initiatives</i>	15 Apr 2025
4	Sesi Libat Urus Syarikat Korporat dan Media <i>Stakeholders and Media Engagement for Youth SDG Summit 2025</i>	25 Apr 2025
5	Sesi Penglibatan Awam bagi Forum SDG-SSE ASEAN 2025 <i>Public Engagement for ASEAN SDG-SSE Forum 2025</i>	25 Apr 2025
6	Youth SDG Agent Workshop & Summit <i>Bengkel & Sidang Kemuncak Ejen Belia SDG</i>	8-11 Mei 2025
7	Forum ASEAN SDG-SSE 2025 <i>ASEAN SDG-SSE Forum 2025</i>	21-23 Mei 2025
8	Forum Rakyat ASEAN <i>ASEAN People's Forum</i>	24 Mei 2025



Tarikh Lawatan Tapak & Pemetaan Isu

Site Visit and Issue Mapping Date




April | April

• Stampin	11-14 Apr 2025
• Maran	12-14 Apr 2025
• Segamat	11-13 Apr 2025
• Jasin	25-27 Apr 2025
• Padang Rengas	26-28 Apr 2025
• Teluk Intan	26-28 Apr 2025

Mei | May

• Sabak Bernam	9-11 Mei 2025
----------------	---------------



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN